

## “KEMISKINAN & KERENTANAN”

Penelitian Konsep dan Pengukuran dalam Era Revolusi Industri 4.0

**THE** INAUGURAL LECTURES are given by honored faculty members within

the University who have obtained the rank of full professor. This event gives the honoree the opportunity to deliver a lecture to fellow faculty and other university guests concerning their work and research interests.

The context of the lecture itself typically includes a summary of the evolution and nature of the honoree's specialized field, highlights of some of the general issues of that particular field, and a description of how the honoree situates his/her work within their field.

UPM conducts this event to highlight and bring attention to the scholarly work that is being done by its distinguished faculty and to illustrate how the work contributes to mankind as a whole.

INAUGURAL LECTURE series

## INAUGURAL LECTURE series

Prof. Dr. Laily Paim



# “KEMISKINAN & KERENTANAN”

## Penelitian Konsep dan Pengukuran dalam Era Revolusi Industri 4.0

Professor Dr. Laily Paim



Universiti Putra Malaysia Press  
43400 UPM Serdang  
Selangor Darul Ehsan

Tel: 03-89468851/89468854  
Fax: 03-89416172  
Email: [penerbit@putra.upm.edu.my](mailto:penerbit@putra.upm.edu.my)  
Website: [www.penerbit.upm.edu.my](http://www.penerbit.upm.edu.my)

ISBN: 9789673447534



9 789673 447534

# **“KEMISKINAN & KERENTANAN”**

Penelitian Konsep dan  
Pengukuran dalam Era  
Revolusi Industri 4.0



**PROFESOR DR. LAILY PAIM**

# “KEMISKINAN & KERENTANAN”

## Penelitian Konsep dan Pengukuran dalam Era Revolusi Industri 4.0

---

**Profesor Dr. Laily Paim**

B.Sc. (UPM), M.Sc. (Indiana State University),  
Ph.D. (University of Illinois, Urbana Champaign)

---

**20 Oktober 2017**

Dewan Seminar Al-Farabi  
Fakulti Ekologi Manusia  
Universiti Putra Malaysia



**Universiti Putra Malaysia Press**

Serdang • 2017

<http://www.penerbit.upm.edu.my>

© Penerbit Universiti Putra Malaysia 2017

Cetakan Pertama 2017

Hak cipta terpelihara. Mana-mana bahagian penerbitan ini tidak boleh dihasilkan semula, disimpan dalam sistem simpanan kekal, atau dipindahkan dalam sebarang bentuk atau sebarang cara elektronik, mekanik, penggambaran semula, rakaman dan sebagainya tanpa terlebih dahulu mendapat izin daripada pihak Penerbit Universiti Putra Malaysia.

Penerbit UPM adalah anggota Persatuan Penerbit Buku Malaysia (MABOPA)

No. Ahli: 9802

ISBN 978-967-344-753-4

Reka letak teks : Sahariah Abdol Rahim @ Ibrahim

Reka bentuk kulit : Md Fairus Ahmad

*Reka bentuk, reka letak dan dicetak oleh*

Penerbit Universiti Putra Malaysia

43400 UPM, Serdang

Selangor Darul Ehsan

Tel: 03-89468851/8854/8429

Faks: 03-89416172

E-mel: [penerbit@upm.edu.my](mailto:penerbit@upm.edu.my)

Laman web: <http://penerbit.upm.edu.my>

## Contents

Abstrak	1
Pengenalan	3
Kemiskinan	4
Kesejahteraan	34
Kerentanan	41
Kajian Empirikal	52
Revolusi Industri	78
Kesimpulan	86
Rujukan	89
Biodata	101
Penghargaan	105
Senarai Syarahan Inaugural	107





## **ABSTRAK**

Persoalan mengapa kemiskinan berterusan wujud sentiasa menjadi perbincangan akademia, penggubal polisi dan pelaksana program. Menjadi tanggungjawab penyelidik sains sosial untuk membentuk satu pengukuran kemiskinan yang bukan hanya menggabungkan elemen subjektif dan objektif, mengambil kira pelbagai dimensi, malahan juga melihat kepada kemungkinan berhadapan risiko. Buku ini membincangkan konsep dan pengukuran kemiskinan dan kerentanan serta kesan Revolusi Industri ke atas kemiskinan. Di samping itu, empat kajian empirikal yang dijalankan berkaitan kemiskinan dan kerentanan dalam kalangan isi rumah rentan, petani luar bandar, nelayan dan penerima bantuan tunai juga dikongsikan untuk memahami isu kemiskinan dan kerentanan dengan lebih terperinci. Pengukuran kemiskinan yang tepat, sah dan praktikal dapat membantu pembuat polisi, pelaksana program pembangunan dan penyedia peruntukan membuat keputusan yang tepat. Pengukuran kemiskinan sedia ada tidak terlepas daripada kesilapan ketakmasukan (*under-coverage*) dan limpahan-liputan (*over-coverage*) dalam mengenal pasti isi rumah miskin dan rentan. Seterusnya mengurangkan kejayaan usaha membasmi kemiskinan. Banyak masa, tenaga dan wang ringgit yang diperuntukkan oleh kerajaan untuk membasmi kemiskinan. Untuk mengurangkan kadar kemiskinan, pertamanya mestilah ada pengukuran yang baik. Oleh itu, membina pengukuran yang jitu adalah langkah pertama yang perlu diambil untuk mengetahui skop dan di mana usaha dan tenaga patut ditumpukan untuk membasmi kemiskinan. Mengukur kemiskinan tidak semudah menyebutnya. Bukan hanya kerana masalah data, malahan juga kerana terlalu banyak takrifan mengenai orang miskin. Bahkan persoalan tentang definisi keperluan asas dan pendapatan yang diperlukan oleh sesebuah isi rumah dengan komposisi ahli yang berbeza dan tinggal di lokasi



yang berbeza masih dibincangkan. Pendapatan garis kemiskinan Malaysia perlu disemak dari semasa ke semasa dan perlu mengambil kira item dan peratusan perbelanjaan penting masa kini seperti pembelian rumah, pengasuh dan komunikasi. Definisi lalu yang tertumpu kepada perbelanjaan makanan, pakaian dan tempat tinggal mungkin sudah tidak sesuai lagi. Membasmi kemiskinan dengan memfokuskan isi rumah rentan boleh menyelesaikan masalah kemiskinan dengan lebih cekap dan berkesan. Membina konsep dan pengukuran kemiskinan menjadi semakin penting dalam fasa Revolusi Industri 4.0 ini. Begitu juga usaha membasmi kemiskinan semakin mencabar kerana kesan Industri Revolusi terdahulu masih berterusan, ditambah dengan kesan daripada Revolusi Industri 4.0.

## **PENGENALAN**

Penyelidikan mengenai kemiskinan bukan sahaja memberi tumpuan kepada insiden, faktor yang menyebabkan kemiskinan dan kesan kemiskinan kepada kualiti hidup, tetapi juga menjawab persoalan yang lebih asas seperti konsep dan pengukuran kemiskinan. Sehingga kini konsep dan pengukuran berterusan dibincangkan, terutama dalam kalangan penyelidik dan pembuat dasar. Takrifan dan pemahaman tentang kemiskinan amat berbeza antara bidang, malahan antara seorang dengan seorang yang lain sama ada seseorang itu penyelidik mahupun orang awam. Setiap orang mempunyai persepsi tersendiri tentang kemiskinan. Ini menunjukkan betapa dinamik dan pentingnya penyelidikan tentang konsep dan pengukuran kemiskinan. Semua negara sama ada maju, membangun mahupun mundur, tujuan pembangunan tidak lari daripada membasmi kemiskinan dan meningkatkan kualiti hidup rakyat. Namun sehingga kini kemiskinan masih menjadi isu di kebanyakan negara.

Buku yang ditulis sempena syarahan inaugural ini membentangkan penyelidikan menelusuri isu kemiskinan dan kerentanan, di mana penulis mengetengahkan sumbangannya dalam memahami isu yang diperkayakan dengan literatur yang relevan. Buku ini dibahagikan kepada tiga subtajuk utama yang saling berkait, iaitu kemiskinan, kesejahteraan dan kerentanan. Buku ini diakhiri dengan persoalan membuka minda tentang kesan Revolusi Industri 4.0 ke atas kemiskinan dan kerentanan.

## **KEMISKINAN**

Kemiskinan adalah isu sosial yang wujud sejak lama dahulu. Tamadun manusia silih berganti, namun isu kemiskinan tidak pernah kurang perbahasannya dan masih hangat dibincangkan. Kemiskinan dijangka terus menjadi isu global kerana banyak negara berhadapan dengan masalah kekangan sumber dan masalah ketidakupayaan memenuhi keperluan asas sama ada sebagai individu mahupun sebagai makhluk sosial. Kemiskinan boleh memberi kesan kepada sesebuah negara seperti pertumbuhan ekonomi yang rendah, masalah sosial dan ketidakstabilan politik, terutama dalam kalangan penduduk berproduktiviti rendah. Kesan tersebut ditunjukkan melalui keadaan yang tidak terkawal, rasuah berleluasa dan seterusnya menjatuhkan imej sesebuah negara (Rahman, 2012).

Sebagaimana yang dilaporkan oleh Transparency International (2017), banyak negara di dunia berusaha ke arah pembangunan inklusif untuk menangani masalah kesilapan kumpulan sasar dan ketaksamaan yang semakin ketara. Pembangunan yang lestari dan saksama hanya boleh dicapai dengan meletakkan kepentingan awam mengatasi kepentingan individu. Dengan kata lain, kemiskinan boleh dikurangkan dengan meningkatkan kecekapan dan keberkesanan pengurusan sumber, di samping membanteras rasuah. Di negara Asia Pasifik, data menunjukkan bahawa daripada 15 negara yang disurvei hanya tiga negara, iaitu Thailand, Myanmar dan Sri Lanka yang mempersepsikan bahawa kadar rasuah menurun di negara mereka. Negara lain menyatakan bahawa kadar rasuah meningkat di negara mereka. Negara Asia Pasifik yang disurvei ialah Australia, Korea Selatan, Jepun, Cambodia, Indonesia, Thailand, Vietnam, Taiwan, Hong Kong, China, India, Pakistan, Myanmar, Sri Lanka dan Malaysia.

## **Mengapa Isu Kemiskinan Terus Relevan?**

Di Malaysia, banyak usaha, masa, tenaga, dan wang ringgit digunakan untuk menangani isu kemiskinan dan meningkatkan tahap dan kualiti hidup rakyat. Pelbagai strategi dan usaha berterusan diambil termasuklah menyediakan infrastruktur dan membangunkan modal insan. Program membasmi kemiskinan di Malaysia dikatakan sangat berjaya dan amat membanggakan. Ini dibuktikan melalui pengurangan berterusan kadar kemiskinan daripada 8.5% pada 1999 kepada 5.7% pada 2004, dan seterusnya kepada 0.6% pada 2014 (Unit Perancang Ekonomi, 2016). Walau bagaimanapun, kadar kemiskinan ini ditentukan berdasarkan pendapatan garis kemiskinan. Oleh itu interpretasi statistik ini perlu dibuat dengan berhati-hati. Kini konsep 'miskin' berdasarkan pendapatan garis kemiskinan ini semakin kurang digunakan (mungkin kerana kadar kemiskinan yang sangat rendah) dan digantikan dengan konsep pendapatan 40% terbawah (B40). Hakikatnya masih ramai rakyat yang hidup miskin.

Di Malaysia, kadar kemiskinan ditentukan menggunakan pendapatan garis kemiskinan. Penetapan pendapatan garis kemiskinan yang rendah iaitu RM930 sebulan bagi sebuah isi rumah atau RM230 perkapita menyebabkan ramai isi rumah tidak tergolong dalam kalangan isi rumah miskin. Manakala untuk miskin tegar pendapatan garis kemiskinan yang ditetapkan adalah RM580 sebulan bagi sebuah isi rumah atau RM140 sebulan perkapita. Apabila kadar kemiskinan rendah, tetapi ramai isi rumah yang tidak dapat memenuhi keperluan asas, bermakna pendapatan garis kemiskinan yang digunakan tidak tepat. Oleh itu gagal menggambarkan keadaan hidup yang sebenar.

Kini dimensi kemiskinan berubah daripada kemiskinan mutlak luar bandar kepada kemiskinan relatif bandar dan daripada kemiskinan satu dimensi kepada kemiskinan pelbagai-dimensi

(Wagle, 2007). Kepelbagaian dimensi ini menjadi cabaran dalam usaha membasmi kemiskinan.

Menentukan isi rumah miskin dan tidak miskin sangat bergantung pada pengukuran. Apakah pemboleh ubah dan titik ambang yang sesuai digunakan? Adakah pendapatan garis kemiskinan yang memisahkan orang yang miskin dan tidak miskin yang digunakan sekarang masih sesuai dan relevan? Adakah pengukuran objektif mengatasi pengukuran subjektif? Banyak persoalan yang perlu dijawab untuk menemukan satu konsep kemiskinan yang jitu dan boleh menjadi asas kepada pengukuran kemiskinan pula.

Tidak dapat dinafikan bahawa berlaku kecaciran/kebocoran subsidi yang disalurkan oleh kerajaan di banyak negara sebagaimana yang diakui oleh Bank Dunia (1990). Di Malaysia juga, kerajaan prihatin terhadap isu kesilapan dalam mengenal pasti orang miskin (kumpulan sasaran) yang perlu diberi bantuan (Jabatan Kebajikan Masyarakat, 2016). Oleh itu mekanisme sasaran bagi mengenal pasti isi rumah miskin boleh dijadikan asas untuk menyalurkan sumber. Pada dasarnya, sumber ini bertujuan sama ada untuk melindungi atau mengekalkan kebajikan isi rumah semasa berhadapan dengan risiko atau untuk membantu isi rumah meningkatkan kebajikan dalam jangka panjang.

Terdapat dua jenis kesilapan mekanisme sasaran kemiskinan iaitu peliputan-rendah (*undercoverage*) dan peliputan-melimpah. Peliputan-rendah merujuk kepada kegagalan bantuan sampai kepada kumpulan sasaran (disebut kesilapan 'jenis 1'). Peliputan-melimpah berlaku apabila faedah program yang melimpah kepada mereka yang bukan kumpulan sasaran (disebut kesilapan 'jenis 2'). Untuk meminimumkan kesilapan peliputan-rendah atau kesilapan jenis 1 adalah dengan melonggarkan syarat kelayakan. Sementara itu,


untuk meminimumkan peliputan-melimpah atau kesilapan jenis 2, perlu menggunakan kriteria yang lebih ketat. Kos sosial daripada kedua-dua jenis kesilapan ini perlu dibandingkan.

## **Insiden Kemiskinan**

Seperti yang telah disebutkan bahawa kemiskinan adalah isu yang tidak berkesudahan sama ada di negara maju, membangun apatah lagi di negara mundur. Tidak semua negara di dunia ini berada pada tahap kemajuan yang sama. Ada negara yang maju, ada negara membangun dan ada negara mundur. Terdapat negara yang mempunyai sumber yang banyak tetapi mundur dengan kadar kemiskinan yang tinggi. Sebaliknya ada negara yang maju dengan kadar kemiskinan yang rendah, walaupun mempunyai sumber yang sedikit.

Rajah 1 menunjukkan kadar kemiskinan (hidup dengan USD1.90 seorang sehari) menurun secara mendadak antara tahun 1980 hingga 2015 iaitu daripada 44% kepada 9.5%.

## Kemiskinan dan Kerentanan



**Rajah 1** Populasi dunia yang hidup dalam kemiskinan, 1820-2015

Sumber: <https://ourworldindata.org/extreme-poverty/>

Malaysia adalah sebuah negara sedang membangun yang mempunyai kadar kemiskinan yang amat rendah. Pada 2014, kadar kemiskinan adalah 0.6% dan miskin tegar adalah 0.1% (Jadual 1). Umumnya kemiskinan adalah lebih tinggi di luar bandar berbanding di bandar. Sebagaimana yang dibincangkan terdahulu, bahawa kadar kemiskinan ini ditetapkan menggunakan pendapatan garis kemiskinan yang sangat rendah. Rajah 2 dan 3 masing-masing menunjukkan kadar kemiskinan dan kemiskinan tegar 1970-2014 bandar dan luar bandar.




**Jadual 1** Kemiskinan dan kemiskinan tegar, Malaysia bandar dan luar bandar 1999-2014

Kemiskinan	Peratus isi rumah							
	1999	2002	2004	2007	2008	2009	2012	2014
<b>Miskin</b>								
Malaysia	8.5	6.0	5.7	3.6	3.8	3.8	1.7	0.6
Luar Bandar	14.8	13.5	11.9	7.1	7.7	8.4	3.4	1.6
Bandar	3.3	2.3	2.5	2.0	2.0	1.7	1.0	0.3
<b>Miskin tegar</b>								
Malaysia	1.9	1.0	1.2	0.7	0.8	0.7	0.2	0.1
Luar Bandar	3.6	2.6	2.9	1.4	1.8	1.8	0.6	0.2
Bandar	0.5	0.3	0.4	0.3	0.3	0.2	0.1	0.0

Sumber: Jabatan Perdana Menteri, The Malaysian Economy in Figures, 2016

## Kemiskinan dan Kerentanan


Dapat dilihat dengan jelas antara tahun 1970 dan 1990 untuk jangka masa 20 tahun, kadar kemiskinan bandar dan luar bandar turun dengan banyak iaitu masing-masing menurun sebanyak 36.8% dan 17.1%.



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) dan Unit Perancang Ekonomi (EPU), Jabatan Perdana Menteri

### Rajah 2 Kadar kemiskinan mengikut strata, 1970-2014

Begitu juga dengan kadar kemiskinan tegar (Rajah 3). Kadar miskin tegar menurun dengan ketara untuk jangka masa lebih kurang sepuluh tahun (1990-1999). Peratus isi rumah tegar di bandar menurun sebanyak 1.6% dan di luar bandar sebanyak 0.8%.



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) dan Unit Perancang Ekonomi (EPU), Jabatan Perdana Menteri

**Rajah 3** Kadar kemiskinan tegar mengikut strata, 1990-2012

Selain kadar kemiskinan, satu lagi petunjuk penting berkaitan kemiskinan adalah agihan pendapatan. Agihan pendapatan dalam sesebuah negara boleh ditunjukkan dengan pekali Gini. Pekali ini menentukan tahap ketaksamarataan agihan pendapatan daripada agihan yang paling sempurna kepada agihan yang paling tidak sempurna. Jika pekali adalah 0, menunjukkan agihan yang sempurna dan pekali 1 menunjukkan agihan yang tidak sempurna. Jadual 2 menunjukkan purata pendapatan kasar isi rumah dan Pekali Gini mengikut negeri. Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Sarawak, Sabah dan Kelantan menunjukkan ketaksamarataan pendapatan yang lebih tinggi berbanding negeri lain.


**Jadual 2** Purata pendapatan kasar isi rumah dan Pekali Gini mengikut negeri, Malaysia, 1989, 2002, 2007, 2012 dan 2014

Negeri	Purata pendapatan kasar (RM) <sup>1</sup>					Pekali Gini				
	1989	2002	2007	2012	2014	1989	2002	2007	2012	2014
Johor	1,220	2,963	3,457	4,658	6,207	0.381	0.408	0.368	0.383	0.324
Kedah	860	1,966	2,408	3,425	4,478	0.428	0.426	0.392	0.391	0.365
Kelantan	726	1,674	2,143	3,168	3,715	0.407	0.444	0.368	0.410	0.393
Melaka	1,190	2,650	3,421	4,759	6,046	0.396	0.386	0.380	0.355	0.316
N.Sembilan	1,162	2,739	3,336	4,576	5,271	0.366	0.401	0.385	0.382	0.361
Pahang	1,092	1,991	2,995	3,745	4,343	0.350	0.404	0.380	0.354	0.360
P. Pinang	1,375	3,496	4,004	5,055	5,993	0.406	0.435	0.411	0.370	0.364
Perak	1,067	2,153	2,545	3,548	4,268	0.421	0.417	0.399	0.417	0.366
Perlis	852	2,006	2,541	3,538	4,445	0.377	0.437	0.454	0.455	0.346
Selangor	1,790	4,406	5,580	7,023	8,252	0.444	0.423	0.418	0.396	0.379
Terengganu	905	1,837	2,463	3,967	4,816	0.459	0.424	0.399	0.426	0.360
Sabah	1,358	2,406	2,866	4,089	4,985	0.459	0.465	0.450	0.428	0.390
Sarawak	1,199	2,515	3,349	4,293	4,934	0.441	0.445	0.442	0.440	0.391
W.P. K. Lumpur	2,102	4,930	5,322	8,586	10,629	0.428	0.448	0.446	0.442	0.407
W.P. Putrajaya	n.a	n.a	n.a	n.a	10,401	n.a	n.a	0.362	0.342	0.374

Sumber: Unit Perancang Ekonomi (2012)


<sup>1</sup> Pendapatan kasar adalah jumlah pendapatan yang diterima daripada semua sumber

Rajah 4 menunjukkan pendapatan kasar isi rumah mengikut strata, antara tahun 1970 hingga 2014. Jelas menunjukkan terdapat peningkatan pendapatan isi rumah bandar dan luar bandar. Namun begitu elok juga dilihat bersekali dengan indeks harga pengguna kerana kuasa beli bergantung pada pendapatan dan juga harga. Rajah 5 menunjukkan trend indeks harga pengguna bagi barangan keperluan, iaitu makanan dan minuman tidak beralkohol; perumahan, air, elektrik, gas dan bahan bakar lain; dan pengangkutan. Harga makanan dan minuman tidak beralkohol meningkat sebanyak 29.3% pada April 2014 berbanding Januari 2010 (tahun asas). Walaupun ditunjukkan bahawa pendapatan isi rumah meningkat lebih tinggi sedikit daripada peningkatan harga, namun perbandingan perbelanjaan dan harga perlu dibuat mengikut kategori perbelanjaan. Pada masa yang sama pola perbelanjaan isi rumah berbeza mengikut komposisi dan statum bandar dan luar bandar. Oleh itu perbandingan pendapatan dan harga di sini tidak dapat memberikan gambaran yang tepat.



**Rajah 4** Pendapatan kasar isi rumah mengikut strata, 1970-2014


Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Unit Perancangan Ekonomi (2016)



**Rajah 5** Trend indeks harga pengguna bagi barangan keperluan makanan dan minuman tidak beralkohol; perumahan, air, elektrik, gas dan bahan bakar lain; dan pengangkutan

*Sumber:* Jabatan Perangkaan Malaysia, 2017

Pendapatan isi rumah juga boleh disusun dalam turutan menaik. Data pendapatan setiap penduduk boleh dikategorikan kepada kuintal (contoh 20%), isi rumah dikategorikan mengikut pendapatan 20% terendah sehinggalah 20% teratas. Untuk gambaran lebih terperinci isi rumah boleh juga disusun mengikut 10% terendah sehinggalah 10% teratas. Sejak kebelakangan ini Malaysia juga merujuk pendapatan isi rumah dengan menggunakan istilah B40, M40 dan T20 untuk mengkategorikan isi rumah kepada 40% terendah, 40% pertengahan dan 20% teratas. Rajah 6 menunjukkan bilangan isi rumah berpendapatan 40% terendah mengikut negeri.



**Rajah 6** Bilangan isi rumah berpendapatan 40% terendah (B40) mengikut negeri, 2014

*Sumber* Jabatan Perangkaan Malaysia dan Unit Perancangan Ekonomi

Dalam Rancangan Malaysia Kesebelas, kerajaan lebih memberi tumpuan kepada kumpulan B40, kerana mereka lebih cenderung menghadapi masalah dalam memenuhi keperluan hidup. Selain itu, data pendapatan purata (min) dan pendapatan median dalam mengenal pasti isi rumah miskin juga sering dirujuk, tetapi perlu berhati-hati kerana keduanya memberikan gambaran tahap hidup yang berbeza.

## Pendekatan Memahami Kemiskinan

Terdapat beberapa pendekatan untuk memahami kemiskinan termasuklah pendekatan pendapatan, pendekatan keupayaan, pendekatan peminggiran sosial, pendekatan turut serta, pendekatan aset, dan pendekatan hak asasi manusia.



## **Pendekatan Pendapatan**

Takrifan menggunakan pendekatan ini diterima pakai oleh banyak pihak termasuklah Bank Dunia. Pada 1990, Bank Dunia menetapkan USD370 setahun atau USD1 seorang sehari (pada harga tahun 1985) sebagai titik ambang kemiskinan. Garis kemiskinan USD1 seorang sehari ini (telah dinaikkan menjadi USD1.08 pada 1993 mengikut indeks harga pengguna) adalah anggaran jumlah minimum wang yang diperlukan untuk membeli keperluan asas dan membolehkan manusia terus hidup.

## **Pendekatan Penggunaan**

Disebabkan kekangan definisi dan pengukuran data pendapatan sebagai indikator kemiskinan, maka penggunaan menjadi alternatif (Laily, 1995). Apatah lagi keupayaan isi rumah memberikan maklumat pendapatan sering diragui (Laily dan Sharifah Azizah, 2010). Isi rumah cenderung memberikan jumlah pendapatan yang lebih rendah daripada yang sebenarnya diterima, sebaliknya cenderung memberikan jumlah perbelanjaan yang lebih tinggi daripada yang sebenarnya dibelanjakan. Selain itu, bagi isi rumah yang berpendapatan tidak tetap boleh menimbulkan anggaran pendapatan yang tidak tepat. Dalam sesetengah budaya, pendapatan adalah maklumat yang tidak suka dikongsi dengan orang lain. Berdasarkan penggunaan, tahap penggunaan yang rendah daripada tahap tertentu bermakna miskin. Secara konsepnya, pendekatan penggunaan ini diilhamkan melalui keperluan asas bahawa manusia memerlukan tahap keperluan fizikal yang tertentu terutamanya pengambilan kalori untuk terus hidup. Sekiranya seseorang tidak dapat mencapai keperluan minimum ini atau dengan kata lain berada di bawah paras ini, mereka adalah miskin. Secara umumnya, keperluan yang rendah berkait rapat dengan tahap pendapatan yang

rendah, oleh itu penggunaan boleh bertindak sebagai proksi kepada pendapatan dan sebaliknya.

## **Pendekatan Keupayaan**

Menurut Sen (1993), kemiskinan tidak ditentukan oleh kekurangan pendapatan wang, sebaliknya oleh kegagalan individu untuk merealisasikan sepenuhnya potensi mereka atau menjalani kehidupan dengan bermakna. Sen berpendapat bahawa kemiskinan bukan diukur dengan pendapatan atau penggunaan, tetapi harus diukur menggunakan indikator ketidakbergantungan untuk menjalani kehidupan yang bermakna. Pada peringkat makro, keupayaan diukur dengan menggabungkan indikator pendapatan dengan indikator lain termasuklah Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) per kapita sebenar, celik huruf orang dewasa, dan jangka hayat. Tidak seperti pendapatan (input), keupayaan adalah proses (throughput) yang menentukan pencapaian dan kualiti hidup rakyat. Keupayaan ini diindeks dalam Indeks Pembangunan Manusia (HDI). HDI adalah statistik komposit jangka hayat, pendidikan, dan pendapatan yang digunakan untuk menarafkan sesebuah negara. Indeks ini bertujuan untuk menggambarkan sejauh mana seseorang itu dapat menguruskan sumber untuk mencapai kehidupan yang baik. Indeks Kemiskinan Manusia (HPI) pula mengukur kemiskinan dengan mengambil kira aspek berikut: i) keupayaan untuk terus hidup, (ii) keupayaan untuk menjadi berpengetahuan, dan (iii) keupayaan akses kepada pendapatan serta kemudahan awam. HPI dibangunkan oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) untuk melengkapkan HDI. Pada 2010 ia telah digantikan oleh Indeks Kemiskinan multidimensi. HPI memfokuskan kekurangan dalam tiga elemen penting kehidupan manusia, iaitu jangka hayat, pengetahuan dan taraf hidup.

## **Pendekatan Peminggiran Sosial**

Pendekatan peminggiran sosial berkait rapat dengan pendekatan keupayaan. Pendekatan keupayaan merujuk kepada diri seseorang itu, manakala pendekatan peminggiran sosial merujuk kepada persekitaran sosial di mana seseorang itu berada. Pendekatan peminggiran sosial menggambarkan proses bagaimana seseorang individu atau sesebuah kumpulan/komuniti terpinggir daripada menyertai sepenuhnya aktiviti masyarakat di kawasan mereka tinggal. Peminggiran sosial adalah satu bentuk deprivasi yang dirujuk sebagai miskin kuasa. Pendekatan peminggiran sosial mengukur keadaan “tiada suara” (voicelessness) dan “tiada kuasa” (powerlessness) yang menyebabkan isi rumah seolah-olah tidak layak untuk mengurus diri, tidak mendapat layanan yang adil, dan tidak mendapat sokongan untuk membangunkan inisiatif mereka sendiri. Peminggiran sosial menyebabkan seseorang itu mengalami diskriminasi dan stigma. Mereka seakan dipaksa untuk melibatkan diri dalam aktiviti ekonomi dan hubungan sosial yang menyebabkan mereka terus miskin. Oleh itu, peminggiran sosial adalah berkait dengan proses atau keadaan yang sebenarnya mewujudkan kemiskinan. Peminggiran sosial sering dikaitkan dengan keadaan yang subjektif, tidak jelas dan ciri tertentu seperti tidak bersemangat, status sosial yang rendah, peminggiran daripada jaringan sosial dan kemurungan.

## **Pendekatan Turut Serta**

Pendekatan turut serta melibatkan orang awam dalam menentukan makna miskin. Pendekatan ini menyarankan agar kemiskinan difahami daripada perspektif orang yang ingin dibantu, iaitu orang miskin. Orang miskin mempunyai perspektif yang berbeza tentang makna miskin. Umpamanya orang miskin mempersepsikan miskin

sebagai lapar, sakit tetapi tidak mampu mendapatkan rawatan, anak tidak bersekolah, dihina, tiada pihak yang membela mereka, suara mereka tidak didengari dan sebagainya (Laily dan Sharifah Azizah, 2010). Program intervensi yang berasaskan pendekatan turut serta lebih berpeluang untuk berjaya dalam menangani kemiskinan dan memenuhi keperluan isi rumah miskin. Pendekatan ini mengiktiraf bahawa pengalaman hidup membentuk tanggapan yang berbeza tentang kemiskinan. Bukti daripada beberapa penyertaan orang miskin dalam menilai kemiskinan yang dijalankan menunjukkan bahawa bagi orang miskin, terdapat banyak dimensi deprivasi, yang tidak pernah difikirkan atau difahami oleh ahli profesional. Ada di antara deprivasi itu hampir mustahil untuk diukur. Dimensi kemiskinan termasuklah miskin pendapatan dan material (rumah, tanah, aset), miskin masa, tempat tinggal dan tempat bekerja yang teruk, keadaan sosial yang teruk terutama yang berkaitan dengan hubungan gender, rasa tidak selamat, bimbang dan resah; dan tiada kuasa. Lebih daripada itu, takrifan tentang miskin oleh orang miskin mendedahkan kepentingan aspek psikologi yang menyebabkan mereka terdedah kepada penghinaan, kekasaran, dan layanan tidak berperi kemanusiaan. Ketidakmampuan mereka untuk menyertai sepenuhnya kehidupan bermasyarakat membawa kepada kepincangan hubungan sosial.

## **Pendekatan Aset**

Pendekatan aset melihat sejauh mana orang miskin memiliki modal fizikal, modal insan, modal sosial, dan modal alam sekitar. Aset kebendaan dan sosial boleh digunakan oleh individu, isi rumah, dan komuniti pada masa diperlukan atau semasa menghadapi krisis. Modal fizikal termasuklah tanah dan harta benda; modal insan termasuklah kesihatan, pendidikan, latihan, dan tenaga buruh; modal sosial termasuklah tahap dan sifat jaringan sosial

seperti kaum kerabat, jiran, dan persatuan; dan aset alam sekitar termasuklah pokok, hutan, dan air. Kemiskinan adalah kekurangan aset yang diperlukan untuk menjalani kehidupan sebaiknya. Untuk mengaitkannya dengan usaha membasmi kemiskinan, kajian yang dijalankan di Bagan Datok (Laily, 1994) menunjukkan bahawa isi rumah miskin sering tidak mempunyai aset yang diperlukan untuk terlibat dalam program pembangunan. Contohnya, untuk terlibat dalam projek menternak lebah memerlukan isi rumah mempunyai sekurang-kurangnya satu ekar tanah yang mana mereka tidak memilikinya. Oleh itu mereka tidak terlibat dan pendapatan juga tidak dapat ditingkatkan.

## **Pendekatan Berasaskan Hak Asasi Manusia**

Kemiskinan adakalanya difahami sebagai pengabaian hak asasi manusia. Kemiskinan bukan keadaan miskin semata mata, tetapi boleh dilihat berdasarkan undang-undang antara bangsa. Pendekatan ini juga dikenali sebagai Pendekatan Berasaskan Hak Asasi (Rights-Based Approach atau ringkasnya RBA). RBA berteraskan kepada idea bahawa seseorang yang tidak dapat memenuhi beberapa hak asasi manusia seperti hak untuk mendapatkan makanan, kesihatan, pendidikan, dan maklumat, adalah orang miskin. Kemiskinan itu bukan setakat kurang sumber, tetapi adalah manifestasi peminggiran dan ketiadaan kuasa. Oleh itu, memenuhi hak asasi manusia adalah sama dengan membasmi kemiskinan. Walaupun masalah kemiskinan yang dibasmi, namun apabila hak asasi manusia dijamin oleh undang-undang, orang miskin boleh menggunakan kaedah undang-undang untuk mendapatkan hak mereka supaya mereka dapat memenuhi keperluan hidup. Hak dari segi tempat tinggal, pekerjaan, upah yang setimpal, penjagaan kesihatan, pendidikan, layanan yang sama untuk diadili di mahkamah, hak politik,

kebebasan bersuara, kebebasan beragama dan lain-lain. Pendekatan hak asasi manusia boleh dilaksanakan dengan menyediakan rangka kerja undang-undang untuk strategi membasmi kemiskinan. Peristiwa yang berlaku kepada etnik Rohinya di negara Myanmar bukan setakat kemiskinan malahan penindasan dan diskriminasi yang sangat kejam adalah akibat daripada pengabaian hak asasi manusia.

## **Sifat Kemiskinan**

Islamic Relief (2008) membincangkan tiga sifat kemiskinan iaitu kronik vs. sementara, potensi vs. sebenar, dan relatif vs. mutlak. Kemiskinan perlu dilihat sebagai satu fenomena pelbagai dimensi, difahami dari segi keupayaan yang rendah, merangkumi bukan sahaja kekurangan material (diukur dengan pendapatan atau penggunaan) tetapi juga bentuk kekurangan lain, seperti pengangguran, keuzuran, pendidikan yang rendah, kerentanan, ketiadaan kuasa dan peminggiran sosial. Oleh itu isu kemiskinan hanya boleh ditangani melalui penglibatan pelbagai pihak.

## **Kronik vs. Sementara**

Kemiskinan mempunyai dimensi masa. Sesetengah kemiskinan isi rumah bersifat kronik, dan ada juga yang bersifat sementara. Ada isi rumah yang berterusan hidup dalam kemiskinan, ada juga yang miskin untuk sementara waktu. Sesebuah isi rumah itu mungkin miskin pada masa tertentu dan pada masa yang lain mempunyai kebarangkalian yang tinggi untuk meningkatkan tahap hidup mereka. Kemiskinan boleh menjadi kronik jika tiada jaminan untuk memenuhi keperluan asas, atau kemiskinan yang berpanjangan dan menjejaskan peluang untuk mengamalkan hak dan tanggungjawab seseorang individu pada masa hadapan. Untuk

menangani kemiskinan sementara, dasar perlu memberi lebih tumpuan kepada jaringan keselamatan sosial yang membantu mengelakkan seseorang daripada terjebak dalam kemiskinan kronik, seperti memberi elaun pengangguran untuk jangka masa terhad, kredit mikro, dan program meningkatkan kemahiran. Manakala bagi miskin kronik, dasar yang lebih menyeluruh dan tradisional seperti mengagihkan semula aset, meningkatkan infrastruktur dan mengekalkan tahap kesihatan boleh dilaksanakan.

### **Potensi vs. Sebenar**

Terdapat sesetengah orang tidak miskin pada masa kini, tetapi terdedah atau cenderung untuk jatuh miskin (rentan). Dimensi rentan kepada kemiskinan ini ditakrifkan sebagai kebarangkalian atau risiko hari ini untuk jatuh miskin pada masa hadapan. Rentan kepada kemiskinan bukan sahaja isu yang penting untuk menangani kemiskinan dengan melaksanakan program tertentu, tetapi ia juga memberi kesan kepada tingkah laku individu dari segi pelaburan, pengeluaran, strategi menangani risiko dan persepsi mereka terhadap situasi mereka sendiri. Oleh itu kemiskinan boleh dilihat sebagai sesuatu yang benar-benar berlaku ataupun sesuatu yang berpotensi untuk berlaku. Menangani kemiskinan dengan memberi tumpuan kepada orang miskin sahaja akan memberikan hasil yang terhad, berbanding dengan menangani kemiskinan dengan memberi fokus juga kepada kumpulan rentan. Kemiskinan akan dapat dikurangkan dengan berkesan jika usaha membasmi kemiskinan membantu kumpulan rentan. Selain daripada itu sumber juga dapat digunakan dengan cekap (Laily, 2014)



## **Relatif vs. mutlak**

Kemiskinan mutlak difahami sebagai seseorang yang tidak dapat memenuhi keperluan hidup minimum (material, celik huruf, dsb). Walau bagaimanapun, kedudukan relatif individu atau isi rumah dalam masyarakat juga boleh dikaitkan dengan kebajikan atau kesejahteraannya. Kedudukan relatif boleh dilihat dari segi kewangan dan bukan kewangan dan boleh dibandingkan di dalam dan di antara sesebuah negara, wilayah, atau kumpulan penduduk. Secara mutlaknya (absolute poverty) boleh wujud keadaan di mana tiada isi rumah yang miskin dalam sesebuah masyarakat atau negara kerana semua isi rumah berada di atas tahap pendapatan atau penggunaan minimum yang tertentu. Tetapi pada masa yang sama akan sentiasa ada isi rumah yang lebih miskin (dari segi pendapatan atau penggunaan) berbanding isi rumah lain dalam sesebuah masyarakat atau negara.

## **Pengukuran Kemiskinan**

Kemiskinan sering diukur dengan pendapatan (Van Praag & Ferrer-i-Carbonel, 2003; Nor Fairani, Mariani & Laily, 2016), penggunaan (Laily, 1995); pemilikan aset (Laily & Asnarul, 2016), peralatan isi rumah (Laily & Asnarul, 2016), dan kesejahteraan ekonomi (Wagle, 2005, 2002; Van Praag & Ferrer-i-Carbonel, 2006; Nor Fairani, Mariani & Laily, 2016). Kemiskinan juga diukur dengan keupayaan termasuklah pendidikan, kesihatan, pemakanan, dan kesamaan gender (Wagle, 2002; Sen, 1999, 1987).

Walaupun, kemiskinan tidak hanya ditakrifkan secara objektif semata (kebiasaannya daripada perspektif kebendaan), tetapi juga secara subjektif yang bergantung pada bagaimana ia ditanggapi. Ini bermakna takrifan bergantung pada siapa yang mentakrifkannya.

Muhammad Yunus (2008) mentakrifkan kemiskinan untuk Bangladesh, bertujuan supaya Bank Grameen dapat mengukur kejayaannya dalam membebaskan isi rumah daripada belunggu kemiskinan melalui program kredit mikro. Usaha beliau telah menerima banyak pengiktirafan pada peringkat dunia. Walaupun Muhammad Yunus mengakui bahawa penanda aras berdasarkan pendapatan wang, contohnya, bersamaan USD1 sehari boleh digunakan, tetapi beliau merasakan bahawa kaedah ini tidak praktikal. Sebaliknya, beliau membangunkan sepuluh kriteria yang menggambarkan keadaan hidup isi rumah Bangladesh. Apabila sesebuah isi rumah telah berjaya memenuhi semua kriteria ini, maka isi rumah tersebut dianggap telah bebas daripada kemiskinan. Sepuluh kriteria tersebut dibahagikan kepada dua tahap iaitu tahap survival dan tahap melepasi survival. Tahap survival mengambil kira aspek rumah dan tempat tidur, air minum yang bersih, kanak-kanak bersekolah, bayaran balik pinjaman dan tandas. Manakala tahap melepasi survival mengambil kira aspek pakaian dan peralatan tidur, mempunyai pendapatan sampingan, baki simpanan, makan tiga sajian sehari dan mampu mendapatkan rawatan perubatan.

Kusuma dan Sukmana (2010) pula mencirikan kemiskinan atau mengkategorikan isi rumah miskin mengikut garis kemiskinan dengan memberi fokus kepada faktor ekonomi. Ciri-ciri kemiskinan adalah: Pertama, orang miskin tidak mempunyai faktor pengeluaran milik sendiri seperti tanah, modal, dan kemahiran. Oleh itu mereka mempunyai keupayaan yang terhad. Kedua, mereka tidak mempunyai kecenderungan untuk memiliki aset pengeluaran sendiri. Ketiga, mereka mempunyai tahap pendidikan yang rendah. Keempat, ramai daripada mereka tinggal di luar bandar dan tidak mempunyai tanah milik sendiri (jika ada pun saiz tanah biasanya kecil). Kelima, ramai daripada mereka yang tinggal di bandar tidak mempunyai kemahiran dan pendidikan yang cukup.

Sumodiningrat (1998) mengkategorikan kemiskinan di Indonesia kepada lima jenis; yaitu dua jenis berdasarkan tahap pendapatan dan tiga jenis berdasarkan faktor penyebab. Pertama, kemiskinan mutlak yaitu apabila tahap pendapatan seseorang berada di bawah garis kemiskinan atau jumlah pendapatan tidak cukup untuk memenuhi keperluan hidup yang minimum. Oleh itu, kemiskinan mutlak adalah ketidakupayaan untuk memenuhi keperluan harian seperti makanan, pakaian, kesihatan, dan pendidikan. Kuantiti penggunaan sebenar adalah berdasarkan tahun asas yang diisytiharkan dalam bentuk mata wang USD50 perkapita setahun (luar bandar) dan USD75 perkapita setahun (bandar) sebagai pendapatan garis kemiskinan.

Kedua, kemiskinan relatif digambarkan apabila tahap pendapatan melebihi garis kemiskinan, tetapi masih lebih miskin daripada mana-mana kumpulan lain dalam masyarakat. Ia ditunjukkan dengan peratus populasi berpendapatan tertentu dan dibandingkan dengan kumpulan pendapatan lain.

Ketiga, kemiskinan yang disebabkan oleh faktor semula jadi seperti umur, tahap kesihatan dan lokasi geografi. Umumnya mereka yang berada dalam kumpulan umur tua, tahap kesihatan yang rendah dan kawasan geografi yang kurang subur mempunyai kemungkinan yang lebih tinggi untuk miskin berbanding kumpulan yang lebih muda, lebih sihat, dan tinggal di kawasan geografi yang lebih subur. Faktor semula jadi ini dikaitkan dengan kemampuan mereka untuk memiliki sumber manusia, sumber asli, mahu pun sumber lain supaya tidak berada dalam keadaan miskin.

Keempat, kemiskinan budaya adalah kemiskinan yang disebabkan oleh adat dan tradisi, etika kerja, gaya hidup dan sebagainya. Kemiskinan ini merujuk kepada tingkah laku individu. Masyarakat miskin sukar untuk mengambil bahagian dalam meningkatkan tahap hidup mereka, untuk berubah atau untuk

membangun disebabkan oleh budaya. Budaya sering menjadi halangan kepada usaha membasmi kemiskinan.

Kelima, kemiskinan struktur adalah kemiskinan yang disebabkan oleh faktor manusia seperti agihan aset pengeluaran yang tidak saksama, diskriminasi dasar ekonomi, amalan rasuah, dan sistem ekonomi yang memberi manfaat kepada kumpulan masyarakat tertentu sahaja.

Isu kemiskinan boleh dijelaskan pada peringkat individu, keluarga, budaya dan struktur. Penjelasan peringkat individu menganggap bahawa orang miskin mempunyai sumber yang tidak mencukupi, membuat pilihan yang tidak berkesan, atau memilih gaya hidup untuk jadi miskin. Penjelasan pada peringkat keluarga, percaya bahawa kemiskinan diwarisi daripada keluarga, melalui tingkah laku daripada satu generasi ke generasi berikutnya. Namun penjelasan ini telah dikaji dengan teliti, dan didapati ianya tidak benar. Penjelasan budaya menunjukkan bahawa orang miskin belajar untuk memperbaiki diri, dan menyesuaikan diri kepada kemiskinan (bukti masih kabur dan banyak dipertikaikan). Peringkat struktur menjelaskan kemiskinan dari segi masyarakat di mana ia berlaku, termasuklah: (i) Penjelasan yang berasaskan kelas. Kemiskinan berlaku akibat sesetengah orang dipinggirkan daripada proses pengeluaran, yang menghadkan peluang dalam hidup mereka; (ii) Penjelasan agensi, di mana kemiskinan adalah disebabkan kegagalan perkhidmatan awam, (iii) Penjelasan ketaksamaan, iaitu kemiskinan adalah disebabkan ketaksamaan dalam struktur masyarakat, yang membawa kepada penafian peluang.

## **Mengenali Isi Rumah Miskin**

Seperti yang disebutkan oleh Orshansky (1965), istilah miskin sama seperti istilah cantik, ia bergantung pada mata orang yang melihat. Terdapat banyak konsep, indikator, dimensi, perspektif

dan ukuran yang digunakan untuk menggambarkan kemiskinan. Daripada konsep yang sangat sempit kepada konsep yang sangat luas. Walau bagaimanapun, kerap kali isi rumah miskin dirujuk sebagai isi rumah yang tidak mempunyai sumber yang cukup untuk memenuhi keperluan asas. Pada hakikatnya, kontinum miskin boleh wujud daripada satu ekstrem ketidakcukupan sumber untuk memenuhi keperluan asas sehinggalah kepada satu ekstrem yang lain iaitu perspektif sosio-psikologi (perasaan merasakan diri sebagai miskin). Kontinum ini menunjukkan peralihan daripada konsep ekstrem yang lebih bersifat objektif kepada konsep ekstrem yang bersifat lebih subjektif (Rajah 7).



**Rajah 7** Kontinum konsep kesejahteraan

Seperti yang telah disebutkan, terdapat beberapa kaedah yang biasa digunakan untuk menentukan kadar kemiskinan, seperti indeks bilangan, agihan pendapatan (ch. kuintal), pekali Gini, status ekonomi dan lain-lain. Kaedah yang paling biasa dan paling mudah untuk mengukur kemiskinan adalah dengan menggunakan indeks bilangan (headcount). Kaedah ini mengira bilangan individu atau isi rumah yang berpendapatan di bawah titik ambang tertentu. Satu lagi cara mudah adalah dengan melihat kepada data agihan pendapatan yang dapat mengkategorikan pendapatan isi rumah mengikut kuintal (contoh 20%), di mana isi rumah dikategorikan mengikut pendapatan 20% terbawah sehinggalah 20% teratas. Kemiskinan juga boleh dikenali dengan melihat kepada keadaan, seperti status ekonomi, sikap, pekerjaan dan pilihan penggunaan.

Seorang individu atau isi rumah boleh dianggap miskin jika mereka hidup dalam keadaan yang melarat dan terpinggir. Lebih-lebih lagi mereka yang tidak mempunyai aset, atau memilih barangan dan perkhidmatan yang rendah kualitinya.

## **Pendapatan Garis Kemiskinan**

Pendekatan yang paling biasa digunakan oleh ahli ekonomi untuk mengenali orang miskin adalah melalui pendapatan (Abdul Rasool, Md Salleh dan Mohd Harun 2012; Farooq, 2008; UN Millennium Development Goals 2005; Islamic Relief 2008). Sebagai contoh, untuk membezakan isi rumah miskin daripada isi rumah tidak miskin adalah melalui pendapatan garis kemiskinan, pendapatan median dan titik pulang modal. Pendapatan garis kemiskinan ialah pendapatan minimum yang diperlukan oleh sesebuah isi rumah untuk mencapai satu tahap kehidupan yang normal. Pendapatan median adalah pendapatan yang membahagikan penduduk kepada lima puluh peratus di atas dan lima puluh peratus di bawah pendapatan median. Isi rumah dianggap miskin apabila pendapatan mereka berada di bawah pendapatan median, dan sebaliknya. Manakala, titik pulang modal merujuk kepada tahap pendapatan kritikal, di mana pendapatan adalah sama dengan perbelanjaan (pendapatan = perbelanjaan).

## **Pendapatan Garis kemiskinan -- Malaysia**

Untuk menilai kejayaan dalam membasmi kemiskinan, Malaysia telah membangunkan pendapatan garis kemiskinan rasmi sebagai instrumen. Bermula tahun 1977 pendapatan garis kemiskinan ini diguna pakai untuk mengenal pasti isi rumah miskin. Pendapatan garis kemiskinan ini telah disemak semula dan diselaraskan beberapa kali dengan mengambil kira indeks harga pengguna.

Metodologi baru untuk menentukan garis kemiskinan telah dicadangkan pada tahun 2007 oleh UNDP.

Pendapatan garis kemiskinan rasmi ditakrifkan sebagai pendapatan yang cukup untuk membeli sekumpulan barangan dan perkhidmatan minimum untuk mengekalkan ahli isi rumah dengan pemakanan yang baik, dan lain-lain keperluan asas seperti pakaian dan kasut, sewa, bahan api dan tenaga, pengangkutan dan komunikasi, penjagaan kesihatan, pendidikan dan rekreasi (Kualiti Hidup Malaysia, 2011). Jadual 3 menunjukkan Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) Semenanjung Malaysia, Sabah dan Labuan, dan Sarawak yang dikeluarkan oleh Unit Perancang Ekonomi pada tahun 2007.

Dapat dilihat bahawa pendapatan garis kemiskinan ditetapkan lebih tinggi untuk Sabah diikuti dengan Sarawak dan Semenanjung Malaysia. Pendapatan garis kemiskinan per kapita dapat memberikan gambaran tentang kemiskinan yang lebih terperinci dalam sesebuah isi rumah.




Kemiskinan dan Kerentanan

**Jadual 3** Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) Semenanjung Malaysia, Sabah dan Labuan, dan Sarawak

<b>Kawasan</b>	<b>Kemiskinan Keseluruhan</b>		<b>Miskin Tegar</b>	
	<b>PGK Kasar (RM)</b>	<b>PGK Perkapita (RM)</b>	<b>PGK Makanan (RM)</b>	<b>PGK Perkapita (RM)</b>
<b>Semenanjung Malaysia</b>				
Keseluruhan	720	180	430	100
Bandar	740	185	420	100
Luar Bandar	700	160	440	100
<b>Sabah &amp; Labuan</b>				
Keseluruhan	960	200	540	110
Bandar	970	200	540	110
Luar Bandar	940	190	540	110
<b>Sarawak</b>				
Keseluruhan	830	190	520	115
Bandar	860	190	530	120
Luar Bandar	810	190	500	110

*Sumber:* Unit Perancang Ekonomi (EPU), 2007

Pendapatan garis kemiskinan pada tahun 2014 adalah seperti ditunjukkan dalam Rajah 8. Pendapatan garis kemiskinan Semenanjung Malaysia bandar adalah RM940 dan luar bandar RM870. Bagi Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan pendapatan garis kemiskinan bandar adalah RM1,160 dan luar Bandar RM1,180. Manakala bagi Sarawak pula adalah RM1,040 untuk bandar dan RM920 untuk luar bandar.



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM)

**Rajah 8** Pendapatan garis kemiskinan (PGK mengikut wilayah, 2014)

## Pendapatan Garis Kemiskinan -- Amerika Syarikat

Garis kemiskinan di Amerika Syarikat dikemas kini setiap tahun mengikut formula yang kompleks, yang mengambil kira saiz keluarga, strata bandar dan luar bandar serta faktor-faktor lain (Fisher, 1992). Mollie Orshansky telah mencadangkan garis kemiskinan bagi Amerika Syarikat ini pada tahun 1963–1964. Orshansky merujuk kepada empat pelan makanan yang dibangunkan oleh Jabatan Pertanian. Menurut Orshansky, isi rumah dengan ahli lebih daripada tiga orang membelanjakan satu pertiga daripada pendapatan selepas cukai mereka untuk makanan. Oleh itu, dengan mendarabkan jumlah wang yang diperlukan untuk makanan dengan angka tiga adalah sama dengan jumlah yang diperlukan oleh sesebuah isi rumah.

Orshansky juga mempertimbangkan banyak faktor dalam membentuk garis kemiskinan, termasuklah jenis isi rumah (farm families and non-farm families), jantina ketua isi rumah, bilangan

kanak-kanak berumur bawah 18 tahun dalam isi rumah, bilangan orang dewasa dalam isi rumah, dan strata bandar dan luar bandar. Berdasarkan kepada gabungan faktor-faktor tersebut beliau telah menghasilkan 124 garis kemiskinan (Willis, 2008). Sebagai contoh isi rumah luar bandar, dengan ketua isi rumah lelaki, mempunyai seorang kanak-kanak di bawah umur 18 tahun, bilangan ahli dewasa dua orang ditentukan satu garis kemiskinan yang khusus. Kombinasi faktor berbeza diberikan garis kemiskinan yang berbeza.

## **Isu Pendapatan Garis Kemiskinan**

Walaupun isu yang dibentangkan di sini adalah kritikan yang diberikan kepada pendapatan garis kemiskinan Amerika Syarikat, ianya amat relevan untuk menilai garis kemiskinan Malaysia yang lebih ringkas dan mudah pembinaannya. Garis kemiskinan Amerika Syarikat adalah sangat terperinci dan khusus, namun tidak terlepas daripada kritikan.

Satu daripada kritikan ialah garis kemiskinan ini dianggap tidak tepat kerana berdasarkan kepada pendapatan semasa semata-mata, tanpa mengambil kira aset yang dimiliki oleh isi rumah. Orshansky menjawab kritikan tersebut seperti berikut:

Pertama, jika wang (pendapatan tunai) tidak dapat menyelesaikan masalah kemiskinan, apatah lagi tanpa wang. Tambahan pula, dalam kehidupan hari ini, wang menjadi semakin penting kerana aktiviti pengeluaran pasaran sangat menghusus dan aktiviti pengeluaran isi rumah semakin berkurang. Keadaan ini meningkatkan lagi bilangan barangan dan perkhidmatan yang perlu dibeli daripada pasaran. Aktiviti pengeluaran isi rumah merujuk kepada aktiviti tidak berbayar yang dilakukan oleh ahli isi rumah untuk ahli isi rumah. Aktiviti tersebut boleh digantikan oleh orang lain atau pun dibeli daripada pasaran sekiranya keadaan pendapatan mengizinkan dan isi rumah ingin berbuat demikian.

Kedua, barangan yang boleh diperoleh secara percuma bukanlah pengganti kepada barangan yang perlu dibeli. Tidak dinafikan bahawa banyak barangan dan perkhidmatan yang disediakan percuma oleh kerajaan seperti taman permainan, pusat rekreasi dan sekolah, tetapi banyak barangan dan perkhidmatan lain seperti makanan, pakaian dan tempat tinggal yang perlu dibeli/dibayar dengan wang.

Ketiga, lebih mudah untuk menggunakan pendapatan bagi menentukan garis kemiskinan, tambahan pula, hanya data pendapatan yang tersedia ada pada masa itu.

Keempat, jika garis kemiskinan mengambil kira aset sekali pun, ia tidak akan mengubah isi rumah yang dikategorikan sebagai miskin dan tidak miskin. Penyelidikan terdahulu menunjukkan bahawa isi rumah berpendapatan rendah dan warga emas tidak mempunyai aset yang banyak. Oleh itu tiada bezanya sama ada garis kemiskinan mengambil kira aset atau pun tidak.

Kritikan mengenai garis kemiskinan tidak berakhir di situ sahaja. Ia juga dikritik dari segi kaedah pengiraan. Sesebuah isi rumah, menerima pendapatan daripada pelbagai sumber dan terdapat beberapa sumber pendapatan yang tidak diambil kira dalam proses pengiraan pendapatan termasuklah bantuan awam seperti baucer makanan (food stamp), faedah insurans awam, dan manfaat tunai. Willis (2008) juga berhujah bahawa titik ambang 30% pendapatan selepas cukai yang digunakan untuk makanan adalah tidak sesuai. Keadaan itu hanya benar 30 tahun yang lalu. Menurut Willis kini isi rumah menghabiskan hanya satu per enam pendapatan selepas cukai ke atas makanan.

Akhir sekali, Willis (2008) mengkritik elemen penting lain yang tidak diambil kira, iaitu perbelanjaan penjagaan anak. Pada masa Orshansky membangunkan garis kemiskinan, dia menganggap bahawa isi rumah mempunyai seorang penyara dan pasangan

yang tidak bekerja yang bertanggungjawab menjaga anak. Kini bilangan penyertaan wanita dalam pasaran buruh telah meningkat menjadikan isu penjagaan anak semakin penting. Selain daripada perbelanjaan penjagaan anak, beberapa kategori pebelanjaan lain seperti perumahan, pengangkutan dan komunikasi juga semakin penting.

## **KESEJAHTERAAN**

Seawal tahun tujuh puluhan konsep kesejahteraan telah diperkenalkan. Ketika itu konsep kesejahteraan dipengaruhi oleh pandangan utilitarian. Pada ketika itu, kesejahteraan (selalu disamakan dengan kepuasan) terhasil daripada barangan dan perkhidmatan yang dibeli dari pasaran, menggunakan pendapatan yang ada. Konsep kesejahteraan subjektif (SWB) pula mula diberi perhatian seperti dalam kajian Campell, Converse dan Rogers (1976), Brickman dan Campell (1971) dan Diener dan Lucas (1999). Kesejahteraan subjektif dirujuk dalam pelbagai bidang falsafah, psikologi, sosiologi, ekonomi, dasar sosial, feminis dan pendidikan (O'Brien, 2008).

Analisis yang dibuat oleh Sointu (2005) tentang kesejahteraan dari tahun 1980 hingga tahun 2000 memperlihatkan peralihan daripada konsep kesejahteraan yang dikaitkan dengan tubuh badan dan kesihatan (Veenhoven, 2000) kepada konsep kesejahteraan yang dicari/dikejar oleh individu untuk diri mereka (O'Brien, 2008). Oleh itu kebahagiaan merangkumi proses dan hasil akhir yang dicapai (O'Brien, 2008). Veenhoven (2007) menyatakan bahawa kesejahteraan, kebahagiaan, dan kualiti hidup sering digunakan silih berganti, walaupun setiap konsep tersebut merujuk kepada set perkara yang berbeza (O'Brien, 2008).

Nussbaum (1995) menerangkan kesejahteraan sebagai fungsi keupayaan tertentu yang dimiliki oleh seseorang individu dan Sen

(1995) merujuk kesejahteraan sebagai pelbagai kefungsian atau keupayaan untuk mencapai sesuatu dalam kehidupan.


Oleh itu konsep kesejahteraan adalah luas dan digunakan dalam pelbagai situasi untuk pelbagai tujuan (Laily, 1995). Daripada perspektif ekonomi, takrifan objektif bagi konsep kesejahteraan boleh dibahagikan kepada dua iaitu takrifan berkaitan-sumber dan takrifan berkaitan-penggunaan (Laily, 1995). Takrifan berkaitan-sumber biasanya memfokuskan kepada indikator seperti pendapatan. Takrifan kesejahteraan berkaitan-penggunaan mengaitkan kesejahteraan dengan penggunaan barangan, perkhidmatan dan sumber.

Qizilbash (1998) membincangkan dua sudut pandangan tentang kesejahteraan yang digunakan oleh ahli ekonomi iaitu sudut pandangan kehendak dan sudut pandangan keupayaan. Dari sudut pandangan kehendak, kesejahteraan dikaitkan dengan utiliti yang terhasil dengan memenuhi kehendak mengikut cita rasa/pilihan. Manakala dari sudut pandangan keupayaan, kesejahteraan dikaitkan dengan pencapaian atau kejayaan yang bergantung pada keupayaan peribadi (Sen, 1993; 1999).

Kedua-dua 'kefungsian' dan 'keupayaan' yang mewakili pelbagai tindakan manusia boleh digabungkan untuk mencapai kesejahteraan (Sen, 1993). Kefungsian merujuk kepada urusan hidup yang merangkumi pelbagai fungsi daripada yang paling asas, seperti menyediakan keperluan asas fizikal sehinggalah kepada fungsi yang lebih rumit seperti mencapai integrasi sosial. Manakala keupayaan mencerminkan kebolehan seseorang untuk menggabungkan fungsi-fungsi yang ada pada mereka ke arah mencapai matlamat dan objektif. Mana-mana gabungan kefungsian dipanggil satu set keupayaan (Sen, 1993).

Namun begitu konsep kesejahteraan sering digunakan tanpa takrifan yang jelas (King, 2007). Sejahtera bukan sekadar merujuk

kepada kesihatan fizikal dan mental, tetapi adalah gabungan rasa puas, cukup, tercapai dan tenang (King, 2007). Oleh itu kesejahteraan dicapai, apabila seseorang dapat memenuhi cita rasanya atau dapat melaksanakan keupayaan mereka (Rajah 9). Kesejahteraan boleh dilihat pada peringkat individu atau pun kumpulan (seperti komuniti, kumpulan etnik dan budaya) (King, 2007).



**Rajah 9** Hubungan kefungisian, keupayaan dan kesejahteraan

## Pengukuran Kesejahteraan

Konsep kesejahteraan adalah pelbagai, maka pengukurannya juga pelbagai. Kesejahteraan boleh diukur dengan melihat jurang. Pendekatan ini biasanya menilai kesejahteraan dari segi jurang antara penggunaan yang ingin dicapai dan penggunaan sebenar, atau jurang antara penggunaan semasa dengan penggunaan masa lalu (Laily, 1995). Semakin hampir penggunaan sebenar dengan tahap

yang mereka ingin capai, maka semakin tinggi tahap kesejahteraan mereka. Sebaliknya, semakin besar jurang penggunaan sebenar dengan penggunaan yang ingini dicapai, semakin rendah tahap kesejahteraan mereka. Begitu juga, jika penggunaan semasa lebih tinggi berbanding sebelumnya, kesejahteraan meningkat, dan sebaliknya.

## **Satu Dimensi vs. Pelbagai Dimensi**

Andrews dan Withey (1976), menggunakan satu soalan sahaja iaitu ‘Bagaimana anda rasa tentang hidup anda secara keseluruhannya?’ dan skala ini telah digunakan secara meluas, namun kebanyakan penyelidik lebih cenderung kepada konsep kesejahteraan pelbagai dimensi. Melihat kepada dimensi kehidupan seperti kekeluargaan, kesihatan, ekonomi, sosial, dan kemudahan fizikal menunjukkan perlunya untuk mengukur konsep kesejahteraan dengan mengambil kira pelbagai dimensi/domain yang membentuk kehidupan.

## **Objektif vs. Subjektif**

Pada akhir tahun 1980an Ryff (1989) mengukur kesejahteraan psikologi dengan pendekatan pelbagai dimensi yang merangkumi penerimaan diri, hubungan positif dengan orang lain, autonomi, penguasaan alam sekitar, tujuan hidup dan pertumbuhan personal (King, 2007). Kesejahteraan subjektif dikaitkan dengan keseimbangan antara perasaan positif dan negatif atau penilaian terhadap kepuasan hidup (Ryan & Deci, 2001). Kesejahteraan subjektif wujud apabila subjek merasai kepuasan hidup, wujud mood positif dan tiada mood negatif (Ryan & Deci, 2001).

Pendekatan yang unggul untuk mentakrif dan mengukur kesejahteraan adalah gabungan elemen subjektif dan objektif. Masing-masing elemen objektif dan subjektif mempunyai



kelebihan dan kelemahan masing-masing. Maka gabungan keduanya memperkukuhkan lagi pengukurannya. Profesional bidang sosiologi lebih menyukai pengukuran subjektif berbanding pengukuran objektif kerana pada pandangan mereka pengukuran objektif (seperti pendapatan) hanyalah ‘perantara’ bukannya ‘hasil akhir’ (seperti kepuasan). Manakala profesional bidang ekonomi mengatakan bahawa ukuran objektif adalah lebih tepat kerana penilaian yang diberikan adalah sama bagi keadaan yang sama. Dalam keadaan tiada pengukuran objektif dan subjektif, maka mana-mana pengukuran yang dipilih mestilah yang terbaik antara keduanya dan mempunyai justifikasi kukuh dan sesuai dengan objektif kajian. Dengan kata lain, setiap pengukuran mempunyai kelebihan dan kelemahan, maka pilihlah yang sesuai dengan konteks dan objektif kajian yang dijalankan.

## **Penilaian Kendiri vs. Penilaian Luaran**

Siapakah yang lebih berhak untuk menilai situasi yang dialami oleh seseorang itu dengan tepat? Adakah orang lain atau diri individu itu sendiri? Sebagai contoh seseorang yang merasakan dirinya miskin, pada pandangan orang lain ia tidak miskin. Pandangan atau penilaian siapakah yang patut diterima? Walaupun kesahihannya dipersoalkan dalam beberapa keadaan, penilaian kendiri lebih diterima secara meluas, terutamanya apabila mengkaji persepsi kesejahteraan.

## **Aspirasi dan Nilai**

Sekiranya penilaian objektif dan subjektif mempunyai kebaikan dan kelemahan masing-masing, maka aspirasi dan nilai juga boleh menjadi mekanisma penting sebagai pengantara antara dimensi objektif dan subjektif. Aspirasi adalah sesuatu yang dicita-citakan,

maknanya bukan sesuatu yang dialami. Atau nilai yang dipegang bukan sesuatu boleh dilihat secara fizikal tetapi adalah dalaman yang lebih abstrak sifatnya.

## **Budaya**

Norma yang berkait dengan piawai atau penanda aras, merupakan salah satu isu pengukuran yang paling kontroversi. Budaya berbeza, maka suatu piawaian atau penanda aras yang diterima dalam satu budaya mungkin tidak diterima dalam budaya yang lain.

## **Perkaitan antara Kemiskinan dan Kesejahteraan**

Terdapat pandangan yang berbeza tentang perkaitan antara kemiskinan dan kesejahteraan. Menurut Rojas (2008) individu yang miskin juga mempunyai kesejahteraan yang rendah. Walaupun kajian lalu menunjukkan perkaitan positif antara kesejahteraan ekonomi/pendapatan dengan kesejahteraan subjektif (Diener et al., 1993; Diener & Biswas-Diener, 2002), namun perkaitan ini lemah (Rojas, 2008; Fuentes & Rojas, 2001) kerana tahap kepuasan seseorang itu bukan hanya bergantung pada taraf hidupnya sendiri tetapi juga perbandingan taraf hidupnya dengan masyarakat setempat (Fafchamps & Shilpi, 2008) atau masa lalu (Kingdon & Knight, 2006). Dengan kata lain, isi rumah yang berpendapatan rendah tidak semestinya mempunyai tahap kesejahteraan yang rendah juga, begitu juga sebaliknya (Rojas, 2008). Kajian yang dijalankan oleh Rojas (2008) di Mexico, mendapati 11.5% mereka yang miskin pendapatan, berpuas hati dengan kehidupan mereka. Sebaliknya 11.2% yang tidak miskin dari segi pendapatan, tetapi tidak berpuas hati dengan kehidupan mereka. Begitu juga dapatan Knight dan rakan (2009) di luar bandar negeri China mendapati hanya 16% kumpulan miskin pendapatan juga mempunyai kesejahteraan rendah

dan 84% tidak menunjukkan hubungan yang positif ini. Trung dan rakan (2013) mengkaji sepuluh negara (Japan, Korea Selatan, India, China, Taiwan, Thailand, Indonesia, Vietnam, Hong Kong dan Malaysia) mendapati negara seperti Malaysia, Thailand and Hong Kong mempunyai tahap kepuasan dan kegembiraan yang rendah walaupun pendapatan mereka tinggi. Dapatan kajian lalu juga menunjukkan perkaitan kemiskinan dan kesejahteraan adalah lebih kuat dalam kalangan isi rumah berpendapatan rendah berbanding isi rumah berpendapatan tinggi (Christoph, 2010).

Menurut de Janvry, Sadoulet, Solomon dan Vakis (2006) kemiskinan kronik dapat dikurangkan melalui:

- i. Mencipta aset untuk golongan miskin. Ini boleh berlaku dengan meningkatkan modal insan (tahap kesihatan dan pendidikan), mengagihkan semula modal semula jadi (reformasi tanah), akses kepada modal kewangan untuk golongan miskin, dan membina modal sosial dalam kalangan golongan miskin;
- ii. Meningkatkan peluang golongan miskin untuk menggunakan aset mereka dengan lebih produktif. Ini boleh dicapai dengan mengembangkan peluang pekerjaan kepada buruh tidak mahir dan berkemahiran rendah. Ini boleh dilakukan melalui pertumbuhan berintensifkan tenaga yang pesat, perubahan teknologi dalam pengeluaran pekebun kecil, akses kepada pasaran baru dan pengurangan kos transaksi dalam mengakses pasaran.
- iii. Mewujudkan program perlindungan sosial yang disasarkan kepada golongan miskin kronik seperti pemindahan tunai yang besar kepada golongan miskin. Didapati kaedah ini lebih berkesan dan lebih inklusif.

## **KERENTANAN**

Pelbagai perubahan berlaku di dunia hari ini termasuklah perubahan demografi, iklim dan sosio-politik. Perubahan demografi dari segi komposisi gender, jangka hayat, penuaan dan sebagainya memerlukan pendekatan baharu dalam membangunkan individu, isi rumah dan komuniti. Menurut World Wide Fund for Nature (WWF) Malaysia (na) perubahan iklim mengancam alam dan hidupan (manusia, haiwan dan tumbuhan) secara langsung dan tidak langsung. Keganasan dan konflik yang berleluasa sama ada disebabkan oleh perebutan kuasa, kemelesetan ekonomi, keruntuhan akhlak dan sebagainya menjejaskan kehidupan manusia. Ada negara yang tidak diiktiraf kewujudannya, ada negara yang dinafikan hak untuk mengurus niaga dengan negara tertentu, ada negara yang didiskriminasikan dan pelbagai lagi konflik antara negara yang berlaku pada hari ini. Apa pun bentuk konflik dan ketegangan yang berlaku, kesan buruknya adalah ke atas kehidupan manusia yang dipamerkan melalui kemiskinan.

Secara umumnya, kerentanan berkait dengan risiko. Risiko wujud apabila sesuatu 'sistem' mengalami perubahan negatif (Wim Naudé, et al., 2008). Kerentanan dan kemiskinan saling berkait. Kerentanan menyebabkan kemiskinan dan kemiskinan menyebabkan kerentanan. Sesebuah negara tidak boleh maju tanpa terlebih dahulu membasmi kemiskinan (Wim Naudé, Santos-Paulino & McGillivray, 2008), kerana telah terbukti bahawa banyak masalah dalam hidup dapat diselesaikan apabila tiada kemiskinan.

Takrifan kerentanan berbeza mengikut disiplin kerana setiap disiplin memberi tumpuan kepada komponen risiko yang berbeza. Dalam disiplin ekonomi, kerentanan difokuskan kepada risiko isi rumah untuk jatuh miskin (Wim Naudé, et al., 2008). Kerentanan boleh dilihat sebagai satu kontinum kualiti daya upaya atau daya tahan sesebuah isi rumah dalam menangani risiko, tekanan dan

ancaman. Risiko, tekanan dan ancaman wujud akibat daripada faktor persekitaran dan ekonomi yang boleh menyebabkan sesebuah isi rumah itu menjadi miskin.

Kerentanan adalah ketidakupayaan untuk mengekalkan tahap penggunaan dan pada masa yang sama mengekalkan tahap minimum harta apabila berhadapan dengan kejutan pendapatan. Dengan kata lain, kerentanan adalah sama dengan ketidakstabilan penggunaan (*consumption volatility*) (Holzman & Jørgensen; 1999 dalam Gaiha & Imai, 2006). Jha dan Dang (2009) mentakrif kerentanan sebagai kemungkinan untuk jatuh miskin atau menjadi lebih miskin.

Isi rumah dikatakan rentan apabila berada di bawah tahap norma kesejahteraan yang diterima oleh masyarakat disebabkan oleh risiko (Alwang et al., 2001 dalam Jamal, 2009). Keupayaan menghadapi risiko pula bergantung pada harta yang dimiliki.

Kesejahteraan isi rumah mungkin menjadi rendah pada masa hadapan disebabkan oleh dua keadaan, iaitu (1) tahap kesejahteraan isi rumah yang tidak menentu dan (2) tahap kesejahteraan isi rumah yang sedia rendah (Cruces, Gasparini, Bérigolo, & Ham, 2010). Ligon dan Schechter (2003) mencadangkan supaya ukuran kesejahteraan mengambil kira perbelanjaan dan risiko yang dihadapi oleh isi rumah terutamanya dalam kalangan isi rumah yang mempunyai harta yang sedikit. Ketidaktentuan ekonomi dan sosial boleh menyebabkan kerentanan kepada isi rumah dan pada masa yang sama miskin itu sendiri boleh menjadi punca kepada rentan.

Dari segi faktor yang menyebabkan kerentanan, Dercon (2001) menyatakan bahawa kerentanan bukan hanya dipengaruhi oleh persekitaran di mana seseorang itu tinggal, tetapi juga bergantung pada risiko yang dihadapi dan tindakan yang diambil. Golongan rentan mudah terperangkap dalam kemiskinan atau tahap hidup yang

rendah apabila berdepan dengan risiko seperti kematian, penyakit, kecacatan, bencana, hutang, pengangguran dan seumpamanya.

Kemiskinan dan kerentanan berlaku akibat daripada pelbagai interaksi faktor ekonomi dan bukan ekonomi (Parker & Kozel, 2005). Ramai penyelidik bersetuju bahawa mengukur deprivasi kerentanan adalah lebih sesuai kerana deprivasi bukan sahaja mengambil kira turun naik tahap hidup, tetapi juga daya tahan isi rumah (contohnya, mereka yang tidak bertanah dan petani kecil) terhadap kejutan agregat dan kejutan idiosinkratik (Gaiha & Imai, 2006; Jha & Dang, 2009).

Kerentanan diukur terutamanya dari segi risiko yang menyebabkan kesejahteraan menjadi rendah. Walaupun kerentanan biasanya diukur dengan melihat kepada penggunaan, dan norma masyarakat atau garis kemiskinan sebagai penanda aras, kerentanan adalah satu konsep yang amat umum yang merangkumi pelbagai dimensi kesejahteraan. Kerentanan boleh dilihat dari segi kecenderungan seorang bayi yang baru lahir mengalami tumbesaran yang lebih perlahan daripada norma antropometri, dan kecenderungan seorang anak menamatkan sekolah rendah pada umurnya tujuh tahun. Kerentanan boleh diukur pada peringkat individu ataupun isi rumah (Hoddinott & Quisumbing, 2003).

## **Menangani Kerentanan**

Konsep kerentanan (Hoddinott & Quisumbing, 2003) yang berubah-ubah menyebabkan pelbagai usaha intervensi menangani kerentanan kurang berjaya. Untuk itu Hoddinott dan Quisumbing (2003) membentuk instrumen kuantitatif yang dipanggil rantaian risiko (risk chain) untuk menilai risiko dan kerentanan menggunakan data isi rumah. Instrumen mengaitkan punca risiko, sumber (awam dan swasta) dan teknik pengurusan risiko dengan kerentanan isi rumah. Mereka mengutarakan tiga komponen teras dalam rangka

kerja konsep mereka iaitu seting (setting)', aset dan aktiviti. Seting menggambarkan persekitaran di mana sesebuah isi rumah tinggal. Aset adalah sesuatu yang menghasilkan pendapatan dan boleh diagihkan antara beberapa aktiviti menjana pendapatan yang ditentukan oleh seting di mana isi rumah itu berada.

Isi rumah wujud dalam lima seting, iaitu seting fizikal, sosial, politik, undang-undang, dan ekonomi. Seting fizikal merangkumi fenomena semula jadi seperti paras hujan, kesuburan tanah, jarak ke pasar, dan kualiti infrastruktur. Seting sosial merangkumi aspek seperti kewujudan norma tingkah laku tertentu, perpaduan sosial dan persengketaan. Seting undang-undang merujuk kepada 'peraturan' di mana transaksi berlaku. Seting politik merujuk kepada kestabilan, keamanan dan bagaimana sumber diagihkan. Akhir sekali, seting ekonomi yang merangkumi dasar yang memberi kesan kepada tahap pulangan ke atas aset.

Risiko berpunca daripada seting peringkat tempatan, nasional, serantau, atau global. Oleh itu instrumen pengurusan risiko ex-ante dan pengurusan risiko ex-post (tindakan) perlu berbeza. Punca risiko seperti banjir, pencemaran, dan pergolakan sosial atau politik menggambarkan tentang seting. Instrumen pengurusan risiko ex-ante termasuklah langkah mengurangkan risiko, mengurangkan pendedahan kepada risiko atau mengurangkan kesan buruk risiko (termasuklah membina infrastruktur pasaran supaya dapat berfungsi dengan lebih cekap). Langkah ex-ante ini dapat mengurangkan kesan buruk risiko ke atas penggunaan. Manakala langkah ex-post ke atas kejutan adalah seperti menyediakan peruntukan untuk membantu isi rumah yang mengalami kesan risiko (Hoddinott & Quisumbing, 2003).

Tentang aset pula, umumnya isi rumah mempunyai sejumlah aset modal dan buruh. Aset modal termasuklah modal fizikal (peralatan pertanian dan ternakan), modal semula jadi (tanah),

modal insan (pengetahuan, kemahiran dan kesihatan), modal kewangan (tunai di tangan, akaun bank, dan pinjaman), dan modal sosial (jaringan, norma dan kepercayaan sosial yang memudahkan penyelarasan dan bekerja secara berpasukan). Aset buruh pula mencerminkan keupayaan isi rumah untuk bekerja, sama ada bekerja sendiri atau makan gaji. Memiliki aset adalah mekanisma *ex-ante* utama bagi pengurusan risiko (Hoddinott & Quisumbing, 2003).

Aset (modal dan buruh) untuk aktiviti pengeluaran akan memberikan pulangan dalam bentuk pendapatan, yang merupakan indikator kepada penggunaan, kemiskinan dan kerentanan (Hoddinott & Quisumbing 2003). Isi rumah yang menguruskan risiko *ex-post* boleh mengubah jumlah agihan pasaran buruh mereka, seperti yang ditunjukkan oleh Kochar (1999) dalam Hoddinott dan Quisumbing (2003) di selatan India. Apabila berhadapan dengan risiko, isi rumah mengeluarkan wang simpanan dan menjual ternakan, barang kemas atau barangan lain. Mereka juga meminjam dan terlibat dalam pasaran kredit. Selain daripada itu, mereka juga mengubah pelaburan dalam modal insan. Sebagai contoh, Jacoby dan Skoufias (1997) memerhatikan bahawa kejutan pendapatan yang serius di kawasan separa gersang di India menyebabkan isi rumah memberhentikan persekolahan anak perempuan mereka. Mereka juga berusaha mencari pekerjaan atau meminjam untuk menambahkan sumber. Oleh itu tahap penggunaan isi rumah dan kerentanan bergantung pada sifat kejutan, ketersediaan sumber pendapatan sampingan, fungsi pasaran buruh, kredit dan insurans, serta tahap bantuan awam yang diterima oleh isi rumah.



Contoh kejutan aset spesifik yang memberi kesan ke atas aset termasuklah bencana alam (seperti banjir, tanah runtuh, letusan gunung berapi, gempa bumi, ribut taufan, wabak penyakit); gangguan sosial (seperti jenayah, keganasan, samseng, persengketaan kaum, peperangan sivil, pecah amanah); perubahan undang-undang yang menggugat keselamatan atau pemilikan harta; kejutan politik (seperti rusuhan, rampasan aset fizikal atau buruh (melalui penculikan, pengerahan atau dipenjarakan) secara sementara/ kekal, dan penempatan semula secara paksa); kejutan kesihatan (seperti wabak penyakit, kecederaan, kemalangan dan kecacatan); dan kejutan ekonomi (seperti pengangguran, inflasi, kelumpuhan pasaran saham, perubahan dalam struktur asas ekonomi).

Contoh kejutan spesifik yang memberi kesan ke atas aktiviti termasuklah gangguan akses kepada input; hasil pengeluaran berkurang; risiko harga kesan kovarian dalam nilai aset dan pulangan kepada aktiviti; dan ketidakupayaan untuk menguruskan input dan output secara formal atau kontrak.

Contoh kejutan spesifik ke atas keberhasilan termasuklah risiko harga dalam pasaran, terutamanya bagi produk makanan; ketersediaan makanan dan catuan makanan; dan akses kepada barangan awam seperti sekolah dan kemudahan kesihatan.

## **Pengukuran Kerentanan**

Ligon dan Schechter (2003) menyenaraikan tiga kaedah yang boleh digunakan untuk mengukur kerentanan iaitu *vulnerability as expected low utility* (VEU), *vulnerability as uninsured exposure to risk* (VER) dan *vulnerability as expected poverty* (VEP). Dalam menilai kerentanan menggunakan VEU, Ligon dan Schechter (2003) mentakrifkan kerentanan dengan merujuk kepada perbezaan di antara utiliti yang terhasil dengan utiliti yang dijangka. Isi rumah tidak dianggap rentan sekiranya utiliti sebenar yang terhasil daripada

tahap penggunaan tertentu sama atau lebih tinggi daripada utiliti yang dijangka. Untuk mudah difahami, katalah utiliti itu sebagai kepuasan, maka seseorang yang mencapai kepuasan lebih daripada yang dijangkanya, dia boleh dikategorikan sebagai tidak rentan.

Bagi kaedah VER, Tesliuc dan Lindert (2002) dalam Milcher (2009) mentakrifkan kerentanan sebagai terdedah kepada risiko yang tiada jaminan (*uninsured exposure to risk*). Dengan kata lain risiko yang mungkin berpanjangan.

Kaedah yang ketiga adalah VEP di mana kerentanan diukur menggunakan analogi yang sama dengan pengukuran kemiskinan. Mengikut kaedah ini sebahagian besar isi rumah mungkin tidak dikesani oleh kemiskinan mutlak, tetapi oleh tahap penggunaan yang rendah disebabkan oleh pendapatan yang tidak menentu atau mereka terpinggir daripada pasaran kerja atau mereka terpinggir daripada kemudahan awam. Oleh itu isi rumah mungkin berada atas sedikit daripada garis kemiskinan yang menyebabkan mereka tidak dikategorikan sebagai miskin.

Untuk mengukur kerentanan isi rumah, data panel adalah lebih baik kerana mengambil kira faktor jangka masa. Data panel juga lebih kaya (Chaudhuri, Jalan dan Suryahadi, 2002) berbanding data keratan rentas. Data panel atau disebut juga sebagai data longitudinal adalah data daripada beberapa pemerhatian (biasanya kecil) yang diambil dari masa ke masa ke atas populasi seperti individu, isi rumah, firma, atau kerajaan. Namun data keratan rentas yang dianggap mempunyai banyak kekangan juga berpotensi untuk menyediakan maklumat masa hadapan menggunakan analisis yang terperinci (Chaudhuri, Jalan dan Suryahadi, 2002). Milcher (2009) juga menyokong bahawa data keratan rentas adalah memadai untuk mengukur kerentanan dengan menggunakan pendekatan VEP.

Kajian yang dijalankan oleh Ligon dan Schechter (2003) di Bulgaria mendapati kemiskinan adalah komponen terpenting

yang menerangkan kerentanan (lebih daripada 50%), diikuti dengan pelbagai faktor risiko lain termasuk risiko yang tidak dapat diterangkan. Kajian yang sama juga mendapati bahawa risiko agregat adalah lebih penting daripada risiko idiosinkratik. Dapatan kajian oleh Gaiha dan Imai (2008) di tiga buah kampung di India menunjukkan bahawa risiko idiosinkratik hanya menerangkan sebahagian dari aspek kerentanan. Hasil yang sama juga ditunjukkan dalam kajian Jha dan Dang (2009).

## **Indikator Kerentanan**

Kajian yang telah dijalankan di beberapa buah negara menunjukkan pengaruh pelbagai indikator dalam menentukan kerentanan. Di sini diketengahkan kajian yang dijalankan oleh Angemi (2011), Ramon, et al. (2007), Milcher (2009), Chaudhuri, Jalan dan Suryahadi (2002), Jha dan Dang (2009), Cruces, Gasparini, Bérigolo, dan Ham (2010), Ligon dan Schechter (2003), Jamal (2009), dan Sarris dan Karfakis (2010).

Kerentanan lebih tinggi dalam kalangan isi rumah yang mempunyai kriteria berikut iaitu saiz isi rumah besar (Angemi, 2011; Ramon, et al., 2007; Jamal, 2009; Milcher, 2009; Sarris dan Karfakis, 2010; Jha dan Dang, 2009); nisbah pergantungan yang tinggi (Angemi, 2011; Jha dan Dang, 2009; Chaudhuri, Jalan dan Suryahadi, 2002); umur tua (Milcher, 2009; Jamal, 2009; Sarris dan Karfakis, 2010; Ligon dan Schechter, 2003); etnik ketua isi rumah tertentu (Jha dan Dang, 2009; Milcher, 2009); bilangan penyara (Jha dan Dang, 2009; Ligon dan Schechter, 2003); jantina ketua isi rumah (Ramon, et al., 2007; Jha dan Dang, 2009); dan bilangan ahli isi rumah wanita (Angemi, 2011).

Dari segi sosioekonomi pula, kerentanan lebih tinggi dalam kalangan isi rumah yang mempunyai ketua isi rumah berpendidikan rendah (Ramon, et al., 2007; Milcher, 2009; Chaudhuri, Jalan dan

Suryahadi, 2002; Cruces, Gasparini, Bérigolo dan Ham, 2010; Ligon dan Schechter, 2003; Milcher, 2009); pasangan ketua isi rumah yang berpendidikan rendah (Jamal, 2009); pendapatan rendah (Cruces, Gasparini, Bérigolo dan Ham, 2010); miskin (Jamal, 2009); ketua isi rumah tidak bekerja (Ramon, et al., 2007); isi rumah dalam sektor pertanian (Ramon, et al., 2007; Jha dan Dang, 2009); pekerja sendiri/ sektor tidak formal (Chaudhuri, Jalan dan Suryahadi, 2002; Cruces, Gasparini, Bérigolo, dan Ham, 2010; Milcher, 2009); dan isi rumah yang mempunyai aset pertanian yang rendah (Jha dan Dang, 2009; Ligon dan Schechter, 2003).

Indikator fizikal juga memberi kesan ke atas kerentanan. Kerentanan lebih ketara dalam kalangan mereka yang tinggal dalam keadaan rumah yang teruk (Milcher, 2009); perkhidmatan awam yang rendah (Angemi, 2011); perkhidmatan kesihatan yang rendah (Milcher, 2009), perkhidmatan pengangkutan yang rendah (Chaudhuri, Jalan dan Suryahadi, 2002; Jha dan Dang, 2009); akses kepada air bersih yang rendah (Chaudhuri, Jalan dan Suryahadi (2002), dan lokasi luar bandar (Ramon, et al., 2007; Sarris dan Karfakis, 2010; Cruces, Gasparini, Bérigolo, dan Ham, 2010; Jamal, 2009; Jha dan Dang, 2009).

Kajian lalu mendapati bahawa ciri isi rumah miskin dan ciri isi rumah rentan adalah sama (Chaudhuri dan Christiaensen, 2002). Kajian oleh Chaudhuri dan Christiaensen (2002) mengenal pasti ciri isi rumah termiskin dan isi rumah paling rentan di Selatan China menggunakan data isi rumah luar bandar 1985-1990. Dapatan kajian mereka menunjukkan bahawa ciri miskin amat konsisten dengan ciri rentan. Ciri tersebut adalah saiz keluarga yang besar, nisbah kebergantungan yang tinggi, buta huruf, daerah yang mendapat peruntukan perkhidmatan awam yang rendah dan tinggal di wilayah miskin (Hoddinott & Quisumbing, 2003).

Kajian oleh Tesliuc dan Lindert (2002) dalam Hoddinott dan Quisumbing (2003) membandingkan kemiskinan dan kerentanan dalam sub-kumpulan penduduk yang berbeza mengikut strata (bandar dan luar bandar), wilayah, etnik, jantina, umur, pendidikan dan sektor pekerjaan ketua isi rumah. Dapatan kajian mereka juga menunjukkan ciri isi rumah miskin dan rentan adalah sama. Ciri yang dikenalpasti termasuklah kawasan, umur, kediaman dan jantina ketua isi rumah.

Selain daripada itu dalam mengenal pasti siapakah isi rumah rentan ini, Chaudhuri dan Christiaensen (2002) membandingkan insiden rentan kepada kemiskinan dalam pelbagai segmen penduduk mendapati isi rumah dikenal pasti sebagai rentan jika ia lebih cenderung menjadi miskin sekurang-kurangnya sekali dalam tempoh tiga tahun. Manakala Skoufias dan Quisumbing (2002) mendapati bahawa isi rumah yang mempunyai anak yang lebih muda kurang rentan (mungkin kerana elaun kanak-kanak yang mereka terima daripada kerajaan), manakala isi rumah wanita lebih rentan. Kajian oleh Harrower dan Hoddinott (2002) di zon separa gersang Wilayah Lacustre, Mali mendapati bahawa kejutan pendapatan memberi kesan lebih besar ke atas penggunaan dalam kalangan isi rumah yang tidak mempunyai akses kepada infrastruktur pengairan.

Menurut Laily (2014) kumpulan rentan mudah terjejas oleh perubahan pendapatan dan sumber ekonomi lain. Kerentanan juga merujuk kepada mereka yang berisiko tinggi menjadi miskin. Biasanya dalam kalangan yang tidak bekerja dan tiada pendapatan (Fengchun, 2006); tiada aset, dan tahap hidup rendah (Cheng, 2000). Oleh itu, dalam kajian Laily (2014) isi rumah rentan adalah isi rumah yang mempunyai sekurang-kurangnya satu daripada kriteria berikut: miskin dari segi pendapatan, umur tua, ibu tunggal dan orang kurang upaya. Orang tua adalah kumpulan yang lebih rentan

kepada kemiskinan terutama mereka yang tidak lagi bekerja dan mengalami masalah kesihatan.

Laily (2014) membandingkan miskin pendapatan dengan kesejahteraan dalam kalangan isi rumah rentan. Status miskin pendapatan ditentukan dengan menggunakan pengukuran kemiskinan mutlak, iaitu pendapatan garis kemiskinan per kapita yang disesuaikan dengan indeks harga pengguna 2008. Pendapatan garis kemiskinan per kapita yang digunakan adalah MYR178 untuk miskin dan MYR107 untuk miskin tegar. Kesejahteraan diukur melalui 16 item kepuasan pelbagai aspek kehidupan, seperti pendapatan, kesihatan, kewangan, dan interaksi sosial (Van Praag, Frijters & Ferrer-i-Carbonell, 2003; Cummins, 1996). Dapatan kajian menunjukkan 36.4% isi rumah yang dikaji adalah miskin, 26.9% miskin tegar, 15.0% berpotensi miskin dan 21.7% tidak miskin. Dapatan kajian menunjukkan (i) perbezaan pendapatan per kapita isi rumah yang signifikan dalam kalangan kumpulan status miskin pendapatan dan (ii) perbezaan kesejahteraan yang signifikan dalam kalangan miskin pendapatan yang berbeza. Dapatan kajian juga menunjukkan hubungan positif tetapi lemah antara pendapatan perkapita dan kesejahteraan isi rumah dalam kalangan isi rumah rentan.

Menurut Diener dan Tov (2012), faktor-faktor seperti ketidakupayaan, kematian pasangan dan dibuang kerja, menyebabkan kepuasan hidup [kesejahteraan] menjadi rendah dan meningkatkan risiko jatuh miskin. Kajian Uppal (2006) terhadap orang kurang upaya di Kanada menunjukkan bahawa kesejahteraan berkait secara negatif dengan keseriusan kecacatan; dan pendapatan per kapita keluarga tidak mempengaruhi kegembiraan (kesejahteraan). Kajian yang dijalankan oleh Rosano, Mancini dan Solipaca (2009) di Itali dalam kalangan orang kurang upaya, mendapati orang kurang upaya memerlukan pendapatan dua kali ganda pendapatan orang

normal untuk menikmati tahap kepuasan ekonomi yang sama. Sama dengan pandangan Townsend (1979) bahawa orang kurang upaya memerlukan pendapatan yang lebih tinggi daripada orang normal untuk memperoleh tahap hidup yang setanding. Satu lagi kajian oleh Schyns (2002) dalam Knight et al., (2009) di 42 negara menunjukkan bahawa tahap kepuasan yang lebih rendah dalam kalangan mereka yang tiada pasangan.

## **KAJIAN EMPIRIKAL**

Dalam bahagian ini, pengkaji menerangkan secara ringkas dapatan kajian yang dijalankan berkaitan kemiskinan dan tahap hidup isi rumah Malaysia. Dapatan kajian yang dikongsikan hanyalah tentang tahap hidup dan kesejahteraan ekonomi. Tiada perbandingan atau analisis mendalam yang dikongsikan dalam buku ini. Tujuan bahagian ini adalah untuk memahami tahap hidup isi rumah miskin atau isi rumah rentan supaya boleh menjadi panduan dalam mengenal pasti kumpulan sasar bagi program pembangunan untuk membasmi kemiskinan atau meningkatkan tahap hidup isi rumah. Hanya empat kajian yang dibentangkan iaitu kajian dalam kalangan isi rumah rentan, petani luar bandar, nelayan dan penerima bantuan kewangan. Terdapat beberapa pemboleh ubah yang kerap digunakan dalam kajian berkaitan kemiskinan, kesejahteraan dan kerentanan di Malaysia. Instrumen dibina mengikut objektif kajian dan mengambil kira kajian terdahulu yang dijalankan di dalam dan di luar negara. Jadual 4 menunjukkan kebolehpercayaan beberapa pemboleh ubah yang digunakan dalam kajian empirikal yang dijalankan oleh penyelidik.

**Jadual 4** Kebolehpercayaan instrumen yang digunakan dalam kajian yang dijalankan

Skala	Bil item	Cronbach alpha
Kecukupan pendapatan	6	.857
Keadaan kewangan	3	.653
Kesukaran hidup	13	.863
Lokus kawalan, sikap dan aspirasi	19	.873
Kepentingan matlamat	8	.919
Kemungkinan matlamat tercapai	8	.793
Kesejahteraan sosial	14	.908
Keberadaan dalam komuniti	16	.955
Kepuasan hidup	17	.937

### Isi Rumah Rentan (2011)

Kajian dijalankan dalam kalangan 267 isi rumah rentan di tujuh buah mukim di Daerah Hulu Langat, Selangor. Isi rumah rentan terdiri daripada isi rumah induk tunggal/isi rumah ketua wanita, isi rumah dengan ketua isi rumah tua, isi rumah ahli cacat, dan isi rumah sakit kritikal. Data yang dikumpulkan merangkumi semua komponen kerentanan iaitu modal insan, modal fizikal, modal sosial, lokus kawalan, strategi daya tahan dan kesejahteraan hidup. Walau bagaimanapun dalam bahagian ini tumpuan dapatan kajian yang akan dibincangkan adalah pengalaman kepayahan hidup, kecukupan pendapatan, strategi isi rumah dalam menangani krisis dan kesejahteraan hidup.

Responden terdiri daripada isi rumah rentan lelaki (69.0%), etnik Melayu (94.3%), berkahwin (68.3%), umur purata 52.3 tahun, dan saiz isi rumah purata 4.7 orang. Jenis rumah yang didiami oleh isi rumah adalah rumah kampung (64.0%) dengan status pemilikan rumah milik sendiri (65.3%). Peratus ketua isi rumah




yang bekerja sama ada separuh masa mahupun sepenuh masa (termasuk bekerja sendiri) adalah lebih tinggi (67.3%) berbanding pasangan (21.4%). Secara umumnya kebanyakan ketua isi rumah mendapat pendapatan daripada gaji/upah pekerjaan utama dengan pendapatan purata sebanyak RM1,549 sebulan. Tahap kesihatan ketua isi rumah, pasangan dan ahli isi rumah dipersepsikan sebagai baik dan sederhana oleh responden.

Dapatan kajian mendapati isi rumah paling kerap menghadapi situasi tidak cukup pendapatan untuk membuat simpanan, menghadapi masalah kewangan apabila berlaku kecemasan, bergantung pada pendapatan sampingan untuk hidup, dan mengeluarkan wang simpanan untuk memenuhi keperluan harian. Semua kepayahan hidup ini adalah berkaitan dengan aspek ekonomi. Dapatan kajian ini merumuskan bahawa isi rumah rentan mengalami kepayahan ekonomi untuk memenuhi keperluan hidup.

Kepayahan yang paling kerap dialami adalah tidak cukup pendapatan untuk menyimpan. Bagi isi rumah rentan ini dengan pendapatan purata lebih kurang RM1,500 sebulan dan mempunyai lebih kurang lima orang ahli isi rumah, tidak mudah bagi mereka memperuntukkan sejumlah wang untuk disimpan. Pendapatan dan harga barangan adalah antara faktor penting yang menentukan keupayaan isi rumah untuk memenuhi keperluan hidup. Tambahan pula isi rumah rentan juga mempunyai keperluan khusus yang perlu dipenuhi seperti perbelanjaan perubatan dan kesihatan yang mungkin lebih tinggi daripada isi rumah tidak rentan kerana tahap kesihatan atau kecacatan yang dialami.

Berdasarkan skala kekerapan, isi rumah jarang menghadapi masalah sehingga terpaksa berlapar, atau terpaksa menggadai/ menjual barangan isi rumah atau terpaksa menanggungkan rawatan perubatan. Walau bagaimanapun kepayahan tersebut dialami oleh sebilangan isi rumah (Rajah 10). Oleh sebab perkara


yang ditanyakan adalah mengenai keperluan asas hidup, maka kegagalan memenuhinya menunjukkan kedaifan bagi mereka yang mengalaminya. Keluarga yang menanggung rawatan perubatan mungkin bukan hanya bermasalah dari segi kemampuan mendapatkan rawatan perubatan tetapi mungkin juga bermasalah dari segi kekangan masa, tiada pengangkutan, terpaksa berada di rumah kerana menjaga ahli keluarga yang lain dan sebagainya.



**Rajah 10** Kekerapan mengalami kepayahan hidup (Skala 1 sangat tidak kerap - 5 sangat kerap)


Dengan pendapatan yang ada, persepsi responden terhadap kehidupan isi rumahnya ditunjukkan dalam Rajah 11. Dapatan kajian menunjukkan bahawa berdasarkan pendapatan seluruh isi rumah, responden merasakan mereka hidup secara sederhana (60.3%), perlu berhati-hati (30%) dan 7.3% merasakan mereka hidup dalam keadaan sukar. Persepsi adalah elemen yang subjektif namun dalam menilai kesejahteraan hidup penilaian sendiri lebih bermakna. Hanya 1% responden yang merasakan hidupnya mewah dan dalam keadaan semuanya bagus (Rajah 11).

## Kemiskinan dan Kerentanan



**Rajah 11** Persepsi terhadap kehidupan

Dapatan ini konsisten dengan dapatan kajian tentang sejauh mana jumlah pendapatan seluruh isi rumah cukup untuk hidup, responden menyatakan bahawa pendapatan mereka cukup untuk kebanyakan benda tetapi tidak semuanya, dan pendapatan hanya cukup untuk keperluan asas (Rajah 12).



**Rajah 12** Kecukupan pendapatan untuk hidup

Dalam menghadapi kemungkinan berlakunya krisis akibat mala petaka, kejutan atau bencana alam, responden telah ditanya sama ada mereka dan keluarga melakukan perkara yang boleh meringankan kesan risiko. Dapatan kajian menunjukkan bahawa untuk menghadapi kemungkinan berlakunya krisis, responden (peratus yang lebih tinggi) akan menambah wang simpanan, menghantar anak ke kelas tuisyen/tambahan atau kemahiran, selain daripada menambah pelaburan dalam pasaran saham dan mengambil insurans (Jadual 5).


**Jadual 5** Usaha menghadapi kemungkinan berlakunya krisis (respons lebih daripada sekali)

<b>Usaha</b>	<b>Bilangan</b>	<b>Peratus</b>
Menambah wang simpanan	194	64.7
Menambah pelaburan amanah saham	59	19.7
Meningkatkan hasil tanaman/ternakan	20	6.7
Mempelbagaikan tanaman & ternakan	14	4.7
Mengikuti kursus jangka pendek (kemahiran & pengetahuan)	37	12.3
Mengambil insurans	54	18.0
Menghantar anak-anak ke kelas tuisyen/tambahan/kemahiran	62	20.7

Apakah strategi isi rumah dalam menangani krisis dalam hidup seperti mala petaka, kejutan atau bencana dan sebagainya? Adakah strategi yang diambil sepanjang tempoh 12 bulan kebelakangan itu berkesan? Dua persoalan itu dibentangkan di sini. Strategi dibahagikan kepada strategi pasaran buruh, strategi penyesuaian struktur dan komposisi isi rumah, strategi perbelanjaan isi rumah, strategi aset dan liabiliti dan strategi jaringan sosial.

Secara umumnya tiada strategi tertentu yang diambil oleh lebih daripada 80% isi rumah rentan. Walau bagaimanapun antara 70-80% responden mengambil strategi mengurangkan pembelian pakaian dan kasut, bertukar kepada makanan yang lebih murah, bertukar kepada barangan yang lebih murah dan mendapatkan khidmat nasihat daripada saudara mara/rakan. Manakala strategi yang diambil oleh 60-70% responden adalah mengurangkan perbelanjaan beriadah dan percutian, dan menggunakan wang simpanan. Strategi yang diambil oleh 50-60 orang responden adalah melakukan pekerjaan tambahan/sampingan, bekerja lebih masa, mengurangkan perbelanjaan makanan, mengurangkan perbelanjaan untuk bahan bacaan dan hiburan, dan mendapatkan bantuan saudara mara dan rakan memerhatikan kediaman semasa ketiadaan di rumah.

Strategi menangani krisis ditunjukkan dalam Rajah 13 hingga 17. Dari segi strategi pasaran buruh, sepanjang tempoh 12 bulan terkebelakang, isi rumah mengambil langkah melakukan pekerjaan tambahan/sampingan (51.7%), bekerja lebih masa (50.7%), menambah bilangan ahli keluarga yang bekerja (31.3%) dan bertukar kepada pekerjaan yang lebih baik (20%) sebagai strategi menangani krisis dalam hidup seperti mala petaka, kejutan atau bencana. (Rajah 13). Kedua strategi melakukan kerja sampingan dan bekerja lebih masa yang diambil dipersepsi sebagai lebih berkesan berbanding strategi yang lain.




**Rajah 13** Strategi pasaran buruh

Dari segi strategi perbelanjaan isi rumah, responden menyatakan bertukar kepada barangan dan makanan yang lebih murah, selain daripada mengurangkan pembelian pakaian dan kasut baharu, mengurangkan perbelanjaan beriadah dan percutian, dan membeli barangan secara pukal. Isi rumah terlebih dahulu mengurangkan perbelanjaan pakaian dan percutian berbanding mengurangkan perbelanjaan makanan. Makanan adalah keperluan asas, ketidacukupannya boleh menjejaskan kesihatan. Oleh itu dalam apa keadaan sekalipun makanan perlu diutamakan (Rajah 14). Isi rumah juga merasakan langkah yang diambil itu berkesan.



**Rajah 14** Strategi perbelanjaan isi rumah

Manakala bagi strategi penyesuaian struktur dan komposisi isi rumah, responden cenderung untuk menanggukuhkan untuk menambah bilangan anak yang dirasakan lebih berkesan berbanding berpindah ke tempat lain untuk mencari pekerjaan atau menumpang tinggal bersama saudara mara (Rajah 15). Mengambil strategi yang tidak melibatkan orang lain lebih mudah untuk dilaksanakan berbanding melibatkan ahli atau orang luar yang memerlukan perbincangan dan persetujuan. Sekiranya tidak ditangani dengan betul mungkin boleh menimbulkan konflik dalam keluarga.



**Rajah 15** Strategi penyesuaian struktur dan komposisi isi rumah

Dari segi strategi aset dan liabiliti, strategi yang paling utama yang diambil adalah menggunakan wang simpanan diikuti dengan meminjam daripada saudara mara dan rakan, dan bertukar kepada kereta yang lebih murah. Antara strategi yang tidak popular (kurang daripada 10%) adalah mendapatkan pinjaman baharu untuk menampung hutang lama, mendapatkan pinjaman, menjual harta untuk menampung perbelanjaan isi rumah, memajak harta/ternakan, dan menjual ternakan. Pilihan ini juga bergantung pada apa yang mereka miliki (Rajah 16). Ada sesetengah opsyen yang tidak relevan kerana mereka tidak mempunyai aset tersebut.



**Rajah 16** Strategi aset dan liabiliti

Dalam kajian ini responden juga ditanyakan mengenai strategi jaringan sosial yang formal dan tidak formal yang diambil oleh responden. Rajah 17 menunjukkan bentuk bantuan sosial yang diperlukan oleh isi rumah adalah khidmat nasihat daripada saudara mara atau rakan diikuti dengan bantuan fizikal dari segi memerhatikan kediaman semasa ketiadaan di rumah. Bentuk lain yang penting juga adalah bantuan kewangan daripada saudara mara dan rakan dan bantuan melakukan kerja-kerja dalam rumah. Bagi isi rumah rentan yang mengalami kekangan atau pergerakan yang terhad disebabkan umur, sakit atau kecacatan, strategi jaringan sosial amat perlu. Rajah 17 juga menunjukkan bahawa paling rendah peratusan isi rumah yang mendapatkan bantuan daripada agensi kerajaan atau badan bukan kerajaan.



## Kemiskinan dan Kerentanan




**Rajah 17** Strategi jaringan sosial

Semua orang mengharapkan hidup yang sejahtera. Dalam kajian ini responden ditanyakan tahap kesejahteraan hidup mereka. Menggunakan skala (1) sangat tidak setuju hingga (7) sangat setuju. Dapatan kajian menunjukkan tahap kesejahteraan hidup yang sederhana terhadap semua kenyataan yang ditanyakan. Namun begitu responden paling tidak bersetuju dengan kenyataan bahawa “sekiranya saya dapat memulakan hidup saya semula, saya tidak akan mengubah sebarang perkara yang dilalui.” Ini bermakna walaupun mereka menyatakan hidup mereka sederhana namun sekiranya diberi peluang, mereka ingin mengubah banyak perkara dalam hidup mereka.

### **Petani Luar Bandar (2016-2017)**

Kajian dijalankan di seluruh Malaysia dalam kalangan 1,696 orang peserta sebuah program pembangunan luar bandar. Dapatan kajian memfokus kepada kesejahteraan ekonomi yang merangkumi pendapatan, aset dan perbelanjaan. Selain daripada itu, dapatan kajian yang berkaitan dengan lokus kawalan, sikap dan aspirasi serta kesejahteraan sosial juga dibentangkan.


Dari segi kesejahteraan ekonomi, peserta berada pada tahap ekonomi yang rendah, iaitu dalam kelompok pendapatan B40 (Rajah 18). Tidak dinafikan ekonomi isi rumah meningkat selepas menyertai program pembangunan, kehidupan mereka bertambah baik daripada keadaan hidup yang sangat rendah (kriteria mereka dipilih sebagai peserta), namun perubahan tersebut belum dapat mengeluarkan mereka daripada kelompok miskin atau berpendapatan rendah, walaupun telah lama berada dalam program pembangunan tersebut. Terdapat dalam kalangan mereka yang telah berjaya melonjakkan tahap ekonomi atau pendapatan mereka ke tahap yang membanggakan.




**Rajah 18** Jumlah pendapatan peserta dan pasangan

Dari segi aset dapat dilihat bahawa mereka mempunyai aset yang rendah. Tidak sampai 50% isi rumah yang mempunyai simpanan (Rajah 19). Kajian juga mendapati isi rumah tidak berhutang dan jika adapun ia adalah hutang kenderaan. Hal ini, boleh difahami kerana dengan pendapatan yang rendah, mereka mungkin tidak layak untuk meminjam. Rajah 20 menunjukkan barangan isi rumah yang dimiliki.

## Kemiskinan dan Kerentanan




**Rajah 19** Pemilikan aset



**Rajah 20** Pemilikan barangan isi rumah

Dari segi perbelanjaan, tiga perbelanjaan utama isi rumah dari segi purata perbelanjaan tertinggi adalah perbelanjaan makanan dan minuman (RM498; n=1696), ansuran/sewa beli kenderaan (RM465; n=146) dan penjagaan anak/pengasuh/taska (RM345.56;

n=18). Manakala apabila dilihat dari segi bilangan isi rumah paling ramai yang membelanjakan pendapatan ke atas item yang disenaraikan, tiga bilangan tertinggi adalah bagi item makanan dan minuman (n=1696, RM497.98 sebulan), bil utiliti (elektrik, air, pembentungan, gas) (n=1590, RM138.01 sebulan) dan petrol/diesel/gas (n=857, RM165.82 sebulan). Sebanyak 71.3% isi rumah berbelanja RM1000 atau kurang sebulan. Ini sesuai dengan bilangan ahli isi rumah yang kecil dan pendapatan yang rendah. Isi rumah juga membelanjakan peratus yang besar (lebih daripada 30% perbelanjaan) untuk makanan dan minuman (Rajah 21).



**Rajah 21** Peratus perbelanjaan makanan daripada jumlah perbelanjaan


Rajah 22 menunjukkan hanya 21.7% peserta yang menyatakan mampu menyimpan wang setiap bulan. Peratus ini amat rendah dan menunjukkan bahawa hampir 80 peratus peserta tidak mampu untuk menyimpan wang secara konsisten. Hal ini difahami kerana pendapatan mereka adalah rendah, mungkin hanya cukup untuk memenuhi keperluan harian. Malahan umumnya mereka

memerlukan pendapatan yang lebih tinggi daripada pendapatan sekarang untuk hidup selesa, seperti yang dibentangkan di atas.


Bukan sahaja mereka tidak menyimpan setiap bulan, malahan hanya 24.4 peratus yang menyatakan bahawa mereka mempunyai harta yang cukup untuk digunakan pada masa kecemasan. Juga hanya 26.8 peratus peserta yang bersetuju bahawa mereka mampu menampung perubatan ahli keluarga sekiranya sakit. Dari segi menampung keperluan kecemasan, simpanan tunai dan harta yang mudah dicairkan seperti barang kemas adalah lebih sesuai. Kesemua pernyataan di atas menunjukkan bahawa peratus peserta yang mempersepsikan keadaan kewangan dan harta mereka dalam keadaan baik adalah rendah. Namun begitu peratus peserta yang menyatakan mereka bergantung pada kerajaan untuk sara hidup dan bergantung pada pemberian anak juga adalah rendah. Masing-masing 23.5% dan 21.5% (Rajah 22).

Peserta juga agak pesimistik tentang keadaan kewangan mereka. Mereka tidak merasakan kehidupan mereka lebih baik daripada isi rumah lain, dan berbanding lima tahun yang lalu. Malahan lima tahun mendatang pun mereka tidaklah begitu yakin bahawa kehidupan mereka akan menjadi lebih baik. Dengan pendapatan yang rendah, nilai aset yang kecil, dan tiada simpanan tidak mustahil isi rumah mengalami kesukaran hidup seperti tidak cukup pendapatan untuk menabung, terpaksa mengeluarkan simpanan untuk memenuhi keperluan harian, menghadapi masalah apabila berlaku kecemasan dan menanggungkan pembayaran bil. Walau bagaimanapun secara subjektifnya mereka merasakan kehidupan mereka sederhana (Rajah 23).

Laily Paim



Rajah 22 Kecukupan pendapatan (setuju)




Rajah 23 Keadaan kedudukan ekonomi isi rumah sekarang

Dari segi lokus kawalan, sikap dan aspirasi, kajian menyimpulkan bahawa peserta mempunyai lokus kawalan yang agak sederhana dan mempunyai kawalan dalaman diri yang tinggi berbanding kawalan luaran (Rajah 24). Mereka mempunyai sikap yang agak positif dan mempunyai aspirasi yang sederhana. Semua ciri ini boleh menyokong usaha meningkatkan tahap hidup isi rumah. Tambahan pula mereka menyedari tentang kepentingan pelbagai aspek kehidupan.

Dari segi kesejahteraan sosial, peserta mengakui mereka mempunyai kesejahteraan sosial yang tinggi dari segi hubungan dengan rakan, keluarga dan masyarakat. Mereka dibantu apabila memerlukan bantuan. Namun keahlian dalam persatuan/pertubuhan amat rendah. Dari segi kepuasan hidup, jelas kepuasan aspek sosial adalah lebih tinggi berbanding aspek ekonomi. Umumnya mereka cenderung ke arah berpuas hati dengan kebanyakan aspek kehidupan yang dikaji.

## Laily Paim



**Rajah 24** Lokus kawalan, sikap dan aspirasi

### Lokus Kawalan

1. Usaha dan tindakan saya sendiri yang akan menentukan masa depan saya
2. Hidup saya bergantung pada apa yang saya lakukan dan cara saya melakukannya
3. Sekiranya saya berjaya dalam hidup, ia disebabkan oleh usaha saya sendiri
4. Hidup saya ditentukan oleh nasib/takdir
5. Masa depan saya ditentukan oleh orang lain
6. Hidup saya dikawal oleh perkara yang berlaku diluar kawalan saya

### Sikap

7. Saya berminat untuk mengubah kehidupan keluarga saya
8. Saya suka untuk mencuba cara baru untuk mengubah hidup saya
9. Saya rasa penting untuk mendapatkan pengalaman baharu yang akan mengubah pandangan saya tentang diri saya dan dunia luar
10. Bila difikir-fikirkan, saya rasa kehidupan keluarga saya tidak banyak berubah
11. Pada saya, kehidupan adalah proses belajar, berubah dan membangun secara berterusan
12. Saya tidak pernah rasa kecewa untuk membuat perubahan yang besar dalam hidup saya
13. Saya percaya dengan kata-kata pepatah "rezeki secupak tidak akan jadi segantang"
14. Saya cenderung untuk menumpukan kepada kehidupan hari ini, dan menerima apa yang berlaku
15. Saya tahu apa yang ingin saya capai dalam hidup ini

### Aspirasi

16. Saya pernah menetapkan matlamat hidup saya, tapi sekarang saya rasa seperti membuang masa sahaja
17. Saya seronok membuat perancangan untuk masa depan dan berusaha untuk menjadikannya kenyataan
18. Saya berusaha bersungguh-sungguh untuk mencapai rancangan yang saya buat
19. Kadang-kadang saya rasa seperti saya telah buat semua yang saya patut buat



## Isi Rumah Nelayan (2017)

Kajian dijalankan dalam kalangan 745 orang nelayan yang menerima pinjaman di seluruh Malaysia. Status ekonomi isi rumah ditunjukkan melalui pendapatan semasa, perbelanjaan, aset, nilai bersih, kecukupan kewangan dan kesejahteraan kewangan isi rumah nelayan.

Nelayan menerima pendapatan daripada pelbagai sumber, terutama daripada hasil aktiviti nelayan, elaun sara hidup, Bantuan Rakyat 1 Malaysia (BR1M) dan subsidi bahan api. Dapatan kajian menunjukkan tiga perempat daripada mereka juga memperoleh pendapatan daripada pemberian anak dan kerja sampingan. Sumber pendapatan lain seperti hasil pelaburan, Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), zakat dan sewaan diterima oleh kurang daripada enam peratus nelayan.

Pendapatan purata sebulan isi rumah nelayan adalah sebanyak RM3,839, lebih rendah daripada pendapatan purata golongan B40 (RM3,900 sebulan) dan lebih rendah daripada pendapatan purata bulanan isi rumah Malaysia iaitu RM5,919 (Jabatan Statistik Malaysia, 2014). Pendapatan purata paling tinggi adalah daripada hasil aktiviti nelayan. Namun masih ada segelintir nelayan (2.1%) yang tidak mempunyai hasil daripada aktiviti nelayan. Di antara sebabnya adalah bot karam, bot rosak dan nelayan mengalami masalah kesihatan yang tidak membolehkan mereka turun ke laut sama ada untuk sementara waktu ataupun jangka masa yang lama. Perbelanjaan purata bulanan isi rumah adalah untuk makanan dan minuman (RM648), petrol/diesel/gas/tol/bayaran tempat letak kereta (RM279), persekolahan anak (RM146), utiliti (elektrik/air/gas) (RM142), minuman beralkohol/ tembakau/ rokok/vape (RM86) dan pakaian dan kasut (RM39).

Dari segi pemilikan harta, kebanyakan nelayan memiliki bot atau sampan dan peralatan menangkap ikan; dua pertiga mempunyai

motorsikal, hampir satu perdua mempunyai simpanan, satu pertiga memiliki rumah, dan satu perempat memiliki saham. Ternakan seperti ayam, itik, kambing mahupun lembu adalah yang paling kurang dimiliki oleh nelayan.

Nilai bersih kewangan merupakan perbezaan di antara nilai semasa harta dengan nilai semasa hutang. Dapatan kajian menunjukkan lebih 50% nelayan mempunyai nilai hutang kurang daripada nilai harta, bermaksud mereka berada dalam keadaan kewangan yang agak baik. Satu perempat nelayan mempunyai nilai hutang sama dengan nilai harta dan satu perempat lagi mempunyai nilai hutang melebihi nilai harta.

Pendapatan purata nelayan meningkat kepada RM1,310 daripada RM960 sebulan selepas setahun menerima pinjaman. Ini menunjukkan terdapat kesan positif daripada pinjaman. Kategori miskin tegar (berpendapatan kurang dari RM516 sebulan) berkurangan sebanyak 15.2% iaitu daripada 21.1% kepada 5.9%. Isi rumah miskin (berpendapatan RM516 sehingga RM1,031 sebulan) juga didapati berkurangan sebanyak 13.8% setelah setahun menerima pinjaman. Namun peningkatan pendapatan yang membolehkan mereka keluar dari kelompok miskin tegar mahupun miskin tidak disumbangkan oleh pinjaman semata-mata. Manakala isi rumah tidak miskin (berpendapatan melebihi RM1,030 sebulan) didapati meningkat sebanyak 24.1% daripada 18.0% kepada 42.1%. Begitu juga isi rumah B40 telah meningkat dua kali ganda daripada 3.1% kepada 6.3%. Malahan, terdapat sebahagian kecil nelayan yang berjaya keluar daripada kelompok B40 (1.6%).

Jika dibandingkan dengan keluarga lain yang tinggal setempat, responden mempersepsikan keadaan ekonomi mereka lebih baik, 40% menyatakan keadaan ekonomi mereka sama saja dengan keluarga lain yang tinggal di situ dan hanya sebahagian kecil sahaja

yang menyatakan keadaan ekonomi mereka adalah lebih teruk dari keluarga lain yang tinggal di situ.

Perbandingan keadaan ekonomi keluarga mereka dengan keadaan sebelum menerima pinjaman, menunjukkan satu perdua menyatakan keadaan ekonomi keluarga mereka adalah sama sahaja seperti keadaan sebelum menerima pinjaman. Manakala hampir satu perempat menyatakan keadaan ekonomi keluarga sekarang adalah lebih buruk berbanding sebelum menerima pinjaman. Walau bagaimanapun, satu pertiga menyatakan keadaan ekonomi keluarga mereka adalah lebih baik. Kebanyakan daripada mereka menjangkakan keadaan ekonomi mereka meningkat pada masa akan datang.

### **Penerima Bantuan dalam Kalangan Warga Emas (2015-2017)**

Kajian ini dijalankan dalam kalangan 1,371 warga emas penerima bantuan di seluruh Malaysia. Dapatan kajian menunjukkan lebih daripada 50% penerima bantuan mempersepsikan kesihatan mereka sebagai tidak baik. Masalah kesihatan yang dihadapi oleh paling ramai penerima adalah tekanan darah tinggi, kencing manis dan masalah penglihatan.

Kebanyakan penerima bantuan (lebih daripada 80%) tidak bekerja/surirumah. Keadaan ini mungkin disebabkan faktor umur yang lanjut, tahap pendidikan yang rendah, dan status kesihatan yang kurang baik.

Dalam sesebuah isi rumah bilangan penyara atau bilangan ahli yang bekerja dan menyumbang kepada pendapatan isi rumah adalah pembolehubah yang boleh menggambarkan sejauh mana isi rumah mampu menghadapi risiko seperti hilang pekerjaan, kematian, jatuh sakit dan seumpamanya. Dapatan kajian menunjukkan sebilangan besar isi rumah hanya mempunyai seorang penyara (49.2%) dan

penyara itu adalah penerima yang juga merupakan ketua isi rumah. Seramai 45.3% isi rumah mempunyai seorang hingga dua orang penyara.

Sumber pendapatan utama penerima adalah daripada bantuan kerajaan. Sumber lain yang dinyatakan adalah daripada pekerjaan, kiriman anak dan bantuan lain. Bagi yang tidak menyatakan bantuan kerajaan sebagai sumber utama pendapatan, terdapat 18% menyatakan bantuan kerajaan sebagai sumber pendapatan sampingan. Dapat dirumuskan dalam kalangan penerima yang dikaji, bantuan kerajaan adalah penting kepada mereka.

Pendapatan purata penerima bantuan adalah RM329, lebih tinggi sedikit daripada wang bantuan yang diterima setiap bulan iaitu RM300. Ahli isi rumah lain juga menyumbang kepada pendapatan isi rumah menjadikan jumlah pendapatan isi rumah lebih tinggi iaitu RM995. Selain pendapatan daripada bantuan kerajaan, isi rumah juga menerima pendapatan daripada bantuan lain dengan purata jumlah yang diterima antara RM1,000 hingga RM1,650 setahun dan kebanyakannya adalah daripada BR1M. Bantuan daripada agensi lain seperti zakat, NGO, kerajaan negeri dan badan korporat amat kecil peratus yang menerimanya.

Jika diteliti peratus bantuan kerajaan yang menyumbang kepada keseluruhan bantuan yang diterima adalah tinggi iaitu melebihi 80 peratus. Ini bermakna bantuan kerajaan membantu isi rumah memenuhi keperluan hidup lebih daripada bantuan lain yang diterima. Tidak dapat dinafikan bahawa kebanyakan mereka juga menerima bantuan lain terutamanya BR1M, namun jumlah yang diberikan adalah kecil dan hanya sekali setahun.

Sejauhmana wang bantuan kewangan dibelanjakan, dapatan kajian menunjukkan penerima membelanjakan hampir semua wang bantuan kerajaan. Ini memberi makna bahawa mereka sangat memerlukan wang bantuan tersebut untuk kegunaan harian.

Dapatan kajian menunjukkan bahawa isi rumah membelanjakan antara 50-70% wang bantuan kerajaan untuk membeli makanan. Bermakna bukan semua bantuan kerajaan digunakan untuk makanan, tetapi juga mungkin digunakan untuk keperluan asas yang lain termasuklah pakaian, sewa rumah dan bil utiliti.

Satu daripada pemboleh ubah yang menerangkan kelangsungan hidup dan tahap kerentanan isi rumah ialah pengalaman yang boleh menjejaskan keadaan ekonomi isi rumah. Dapatan kajian menunjukkan tidak ramai penerima yang mengalami peristiwa yang menjejaskan ekonomi isi rumah dalam masa enam bulan yang lepas. Antara pengalaman yang dialami oleh 13.1% penerima ialah ahli isi rumah mengalami penyakit kritikal yang memerlukan rawatan intensif atau berkala. Apabila seseorang ahli isi rumah mengalami penyakit kritikal, ia memberi kesan kepada isi rumah dari segi kos dan emosi. Dalam kalangan isi rumah berpendapatan rendah, sesuatu peristiwa yang berlaku boleh menjejaskan keupayaan mereka untuk mendapatkan pendapatan, dan pada masa yang sama, menjejaskan keupayaan mereka untuk memenuhi keperluan asas bagi kelangsungan hidup.

Kesulitan ekonomi lain seperti kematian ketua isi rumah/pencari nafkah utama, konflik keluarga (cth: penceraian), ahli isi rumah hilang pekerjaan, gagal dalam perniagaan, kerugian perniagaan, dan pendapatan menurun kerana pengurangan hasil didapati tidak begitu relevan dengan penerima bantuan kerajaan ini. Peristiwa yang boleh menjejaskan ekonomi ini ialah peristiwa di luar jangka, yang penerima dan isi rumah tidak boleh mengawalinya dan boleh menimpa sesiapa sahaja. Dalam kalangan isi rumah berpendapatan rendah, keadaan hidup mereka adalah rentan. Sebarang peristiwa yang berlaku ke atas mereka boleh menyebabkan mereka jatuh miskin dan tidak dapat memenuhi keperluan asas.

Selain pengalaman yang menjejaskan ekonomi yang dialami dalam masa enam bulan yang lepas, kajian juga menanyakan perihal kesulitan hidup yang dialami oleh penerima dalam masa 12 bulan yang lalu. Dapatan kajian ini sekali lagi menunjukkan kesulitan hidup yang berkaitan dengan kesihatan, iaitu 21% penerima mengatakan bahawa ada ahli isi rumah yang sakit tetapi tidak mendapatkan rawatan kerana tidak mampu, 11.5% mengatakan bahawa bekalan air, elektrik atau telefon pernah dipotong, 6.4% mengatakan tiada tempat tinggal yang sesuai (decent) dan 14.1% mengatakan bahawa mereka meminjam wang saudara mara untuk memenuhi keperluan hidup.

Umumnya, pembayaran bil adalah antara perbelanjaan yang selalu diutamakan oleh isi rumah. Kelewatan membayar bil boleh menyebabkan elektrik atau bekalan air dipotong. Seseorang itu akan berusaha untuk membayar bil kerana tidak mahu bergelap atau tidak mahu bekalan air paip dipotong. Kalau mereka pernah mengalami bekalan air, elektrik atau telefon dipotong, bermakna mereka memang hidup dalam keadaan susah. Begitu juga dengan meminjam wang daripada saudara-mara untuk memenuhi keperluan hidup. Dalam keadaan sekarang, seseorang itu lebih rela meminjam wang daripada institusi kewangan berbanding dengan meminjam daripada adik beradik atau saudara-mara. Namun, umur tua, tiada pendidikan, pendapatan rendah merupakan kekangan kepada mereka untuk mendapatkan pinjaman daripada institusi kewangan. Oleh itu, mereka terpaksa meminjam daripada saudara-mara.

Dari segi keselamatan makanan, dapatan kajian menunjukkan bahawa 30 hingga hampir 80% penerima tidak pernah mengalami situasi yang menjejaskan keselamatan makanan, bermakna mereka mencapai tahap keselamatan makanan yang baik. Dapatan kajian menunjukkan bahawa penerima masih menghadapi ketakselamatan makanan bukan sahaja dari segi minda (bimbang), malahan

sehingga benar-benar berlaku. Juga bukan sekadar orang dewasa dalam isi rumah pernah mengalami ketakselamatan makanan, malahan juga kanak-kanak. Walaupun penerima yang dibincangkan ialah penerima bantuan orang tua yang berumur melebihi 60 tahun, ada dalam kalangan mereka yang tinggal bersama generasi kedua dan ketiga. Dalam sesebuah isi rumah, biasanya kanak-kanak diutamakan dalam hal makan minum. Bermakna orang dewasa adalah orang yang akan berlapar sekiranya keadaan mendesak dan tidak dapat dielakkan.

Seramai 66.8% penerima mengatakan bahawa wang bantuan yang diterima tidak cukup untuk memenuhi keperluan asas. Keperluan asas yang tidak dapat dipenuhi ialah makanan (81.7%), pakaian (37.9%), utiliti termasuklah air dan elektrik (35.6%) dan tempat tinggal (18.7%). Disebabkan ketidakcukupan bantuan, keperluan yang tidak dapat dipenuhi oleh peratusan penerima tertinggi ialah makanan.

Pendayaupayaan berkaitan dengan sejauh mana seseorang itu dapat menentukan atau membuat keputusan ke atas perkara penting dalam kehidupannya. Satu daripada cara untuk menentukan pendayaupayaan penerima ini adalah dengan menanyakan siapa yang menentukan bagaimana wang bantuan dibelanjakan. Walaupun penerima bantuan kerajaan ini telah berusia, namun, mereka menentukan sepenuhnya bagaimana wang bantuan dibelanjakan setiap bulan (lebih daripada 70%). Hanya 13% penerima yang mengatakan bahawa penentuan dibuat sebahagian oleh diri sendiri dan sebahagian oleh orang lain, dan 12.4% mengatakan bahawa orang lain menentukan sepenuhnya bagaimana wang bantuan dibelanjakan. Sebab utama yang dinyatakan mengapa sebahagian atau sepenuhnya perbelanjaan wang bantuan ditentukan oleh orang lain ialah limitasi fizikal (mobiliti) (63.9%), sakit (54.1%), dan tidak mampu mengurus (kurang kemampuan mental) (17.1%).

Tujuan bantuan kerajaan adalah untuk membantu penerima dan isi rumah memenuhi keperluan hidup mereka. Kajian ini mengukur persepsi penerima tentang sejauh mana bantuan kewangan memberikan kesan ke atas tujuh aspek kehidupan, iaitu aspek pemakanan, kekeluargaan, kemasyarakatan, ekonomi, kesihatan, keyakinan diri dan keperluan lain.

Dapatan kajian menunjukkan bahawa kesan bantuan kewangan adalah paling tinggi ke atas hubungan kekeluargaan, kemasyarakatan, kesihatan dan keyakinan diri. Kesannya lebih sederhana ke atas aspek pemakanan, ekonomi dan keperluan lain.

Isi rumah penerima bantuan kerajaan ini ialah mereka yang berpendapatan rendah yang tidak mempunyai pendapatan yang mencukupi untuk memenuhi keperluan hidup. Oleh itu, bantuan yang diberikan digunakan untuk mencukupkan keperluan asas dahulu seperti makanan. Makanan ialah keutamaan pertama yang diakui oleh 87% penerima bantuan kerajaan. Selepas makanan, peratusan kedua tertinggi yang mengatakan bahawa sewa rumah ialah keutamaan perbelanjaan mereka. Dari segi jumlah yang dibelanjakan setiap bulan, perbelanjaan yang paling tinggi adalah untuk makanan (RM192) diikuti dengan sewa rumah (RM154) dan ansuran bulanan rumah (RM126). Perbelanjaan ini dilakukan sama ada untuk diri penerima sendiri ataupun untuk penerima dan isi rumah.

Dari segi pemilikan aset, dapatan kajian menunjukkan bahawa isi rumah penerima bantuan kerajaan tidak memiliki aset yang banyak. Namun begitu, hampir 80% penerima memiliki rumah. Terdapat juga isi rumah penerima yang memiliki tanah (36.1%) dan motosikal (32.6%). Kurang daripada 10% isi rumah penerima bantuan yang memiliki simpanan, apatah lagi perlindungan insurans. Lebih kurang 5% isi rumah mengatakan bahawa mereka mempunyai barang kemas. Barang kemas ialah kaedah menyimpan yang popular, terutamanya dalam kalangan isi rumah luar bandar.



Kedudukan aset isi rumah ini menunjukkan bahawa mereka ialah kumpulan yang rentan yang tidak mempunyai penampungan kepada masalah yang mungkin berlaku.

Selain aset, kajian ini juga mengukur tahap hidup isi rumah penerima dengan melihat kepada peralatan yang dimiliki. Dapatan kajian menunjukkan bahawa peralatan isi rumah yang dimiliki oleh lebih daripada 80% isi rumah ialah kipas angin, dapur masak, televisyen dan peti sejuk. Ini ialah peralatan yang dibiasa dimiliki oleh ramai isi rumah Malaysia. Peralatan lain yang dimiliki oleh 50-60% isi rumah ialah mesin basuh dan telefon bimbit.

Lokus kawalan, sikap, aspirasi adalah elemen psikologi yang mempengaruhi tingkahlaku seseorang. Dapatan kajian menunjukkan bahawa secara puratanya penerima berada pada tahap 55-65% lokus kawalan. Mereka juga mempunyai sikap dan aspirasi yang positif tetapi sederhana. Arah yang positif bagi lokus kawalan memberi implikasi bahawa penerima tidak sepenuhnya menyalahkan faktor luaran yang menyebabkan keadaan hidup mereka sebegini. Dengan kata lain mereka boleh mengawal kehidupan mereka. Sikap positif yang kuat boleh mendorong kepada usaha yang gigih dan sebaliknya.

## **REVOLUSI INDUSTRI**

Dunia dikatakan telah melepasi tiga fasa Revolusi Industri dan kini berada pada fasa keempat. Semua Revolusi Industri 1.0 hinggalah Revolusi Industri 4.0, dilandasi oleh perkembangan dan kemajuan teknologi. Revolusi Industri terhasil daripada usaha manusia dalam meneroka, menginovasi, mereka bentuk dan mengaplikasi sesuatu idea yang abstrak kepada barangan/peralatan/sistem yang dapat meningkatkan keselesaan dan tahap hidup manusia. Namun terdapat pandangan yang bercanggah tentang kesan Revolusi Industri ke atas kehidupan.

## **Fasa Revolusi Industri**

Secara ringkas revolusi Industri merujuk kepada perubahan fundamental yang mula berlaku di England dalam bidang pertanian, tekstil, pembuatan besi, pengangkutan, polisi ekonomi dan struktur sosial (Montagna, 2006).


Di sini diterangkan tentang fasa Revolusi Industri untuk memperlihatkan perubahan yang berlaku dan kesannya ke atas kehidupan isi rumah. Fasa Revolusi Industri 1.0 (1760-1840) dicirikan dengan penciptaan mesin mekanikal yang menggunakan kuasa air dan wap. Mesin yang dicipta meningkatkan kecekapan pengeluaran dan pada masa yang sama menggalakkan penciptaan teknologi baharu. Antara proses pengeluaran yang dibantu oleh mesin mekanikal adalah pengeluaran barangan tekstil dan pakaian. Pengeluaran menjadi lebih mudah dan murah. Dalam fasa ini juga mesin lokomotif dicipta yang dapat memudahkan perjalanan yang jauh. Di samping faedah yang diterima hasil daripada penciptaan teknologi tersebut, terdapat juga kesan negatif ke atas penawaran pekerjaan. Mesin telah menggantikan pekerja mahir. Oleh itu semakin kurang pekerjaan yang memerlukan pekerja mahir.

Fasa berikutnya (1870-1940) adalah Revolusi Industri 2.0. Pada masa itu tenaga elektrik mula diperkenalkan. Pengeluaran besar-besaran yang menggunakan tenaga elektrik menyebabkan pekerjaan boleh dilakukan tanpa pekerja berkemahiran tinggi. Semasa fasa Revolusi Industri 2.0 ini persekitaran kerja dan keadaan hidup golongan kelas bawahan menjadi sangat daif. Kemudahan tempat tinggal dan kemudahan asas sangat terhad. Selain daripada itu, berlaku penindasan ke atas wanita dan kanak-kanak untuk bekerja di kilang-kilang yang dibina. Kanak-kanak yang bekerja di kilang tidak mendapat pendidikan yang sempurna kerana penat bekerja dalam shift kerja yang panjang. Ramai kanak-kanak yang bekerja di kilang mengalami kecacatan fizikal dan mental. Fasa ini juga

dicirikan dengan pencemaran terutamanya daripada bahan buangan kilang termasuklah asap.

Ramai di antara kita pada hari ini mengalami fasa Revolusi Industri 3.0 (1960-2010). Fasa ini menyaksikan penciptaan peralatan canggih, komputer menggantikan mesin taip, semi-konduktor, *main frame computing*, peranti personal, internet dan seumpamanya. Peralatan menjadi semakin kompak, efektif dan efisien. Kerja dapat dilaksanakan dengan lebih mudah dan cepat. Di samping menikmati kemudahan dan keselesaan tersebut tidak dapat dinafikan kesan buruknya ke atas masyarakat. Nilai dan budaya berubah dalam dunia tanpa sempadan yang dihubungkan melalui teknologi maklumat. Tidak dapat dinafikan kecanggihan teknologi memungkinkan perkongsian maklumat daripada pelbagai sumber, penerapan nilai positif dan negatif, pembentukan tingkah laku baik dan buruk terutama dalam kalangan generasi yang lebih muda.

Revolusi Industri 4.0 melahirkan gelombang inovasi baharu seperti kereta tanpa pemandu dan robot pintar. Mesin pintar akan menggantikan ramai pekerja dalam pelbagai bidang, daripada akauntan, ejen hartanah hinggalah agen insurans. Revolusi Industri 4.0 juga dicirikan oleh perkembangan pelbagai teknologi baharu seperti kecerdasan buatan (*artificial intelligence*) dan robotik, serta nanoteknologi dan bioteknologi (Do Le Ngoc Bich, 2017). Walaupun belum dapat dianggarkan kesannya ke atas penawaran pekerjaan secara tepat, namun dapat dibayangkan kemungkinan keperluan kemahiran dalam bidang yang baharu bagi menyambut dan menyemarakkan perkembangan teknologi yang sesuai dalam fasa ini. Revolusi Industri dapat digambarkan melalui Rajah 25.



**Rajah 25** Fasa Revolusi Industri

## Kesan Revolusi Industri ke atas Kemiskinan

Revolusi Industri memberi kesan positif dan negatif ke atas kehidupan isi rumah. Terdapat pelbagai pandangan atau reaksi tentang kesan Revolusi Industri ke atas kehidupan. Ada pandangan yang optimis dan ada pula pandangan yang pesimis.

Pandangan optimis menyatakan bahawa Revolusi Industri akan meningkatkan peluang pekerjaan kerana industri memerlukan pengurus, pentadbir dan juga pekerja. Pada masa yang sama inovasi juga akan meningkat. Manusia akan berlumba lumba meningkatkan tahap pendidikan dan mencipta inovasi untuk meningkatkan kecekapan teknologi. Keadaan ini secara langsung akan meningkatkan tahap hidup isi rumah. Majewski (1986) menyatakan bahawa Revolusi Industri menyebabkan pendapatan isi rumah meningkat dan kadar mortaliti menurun. Banyak kajian terdahulu yang menunjukkan perkaitan antara pendapatan dengan

tahap kesihatan. Malahan pendapatan juga telah dibuktikan mempunyai kesan positif ke atas pendidikan. Selain daripada itu Revolusi Industri juga dikatakan sebagai permulaan kepada kehidupan moden yang lebih selesa. Daripada kerja yang dilakukan secara manual, menggunakan usaha, masa dan tenaga yang banyak kepada kerja yang dilakukan dengan menekan suis sahaja. Hasil kerja juga umumnya menjadi lebih sempurna. Nardinelli (na) juga menyokong bahawa Revolusi Industri meningkatkan pendapatan sebenar isi rumah di England dan kesannya menular ke seluruh dunia barat.

Di samping kesan positif, terdapat juga kesan negatif daripada Revolusi Industri yang lalu. Pertama berkaitan dengan kurang orang yang bekerja dalam sektor pertanian kerana ramai yang meninggalkan kerja di ladang kerana kilang-kilang di bandar menawarkan gaji yang lebih tinggi. Keadaan yang sama pernah berlaku di Malaysia pada awal 80an di mana banyak kilang yang dibuka di bandar menyebabkan perpindahan besar-besaran daripada luar bandar ke bandar terutamanya dalam kalangan belia. Terdapat faktor yang menarik orang muda untuk ke bandar dan pada masa yang sama ada faktor yang menolak mereka agar keluar daripada luar bandar. Faktor yang dimaksudkan adalah peluang pekerjaan. Keadaan ini boleh menyebabkan berlakunya pengurangan aktiviti pengeluaran pertanian atau makanan. Makanan adalah keperluan asas. Sesebuah negara sepatutnya mampu menghasilkan makanan sendiri. Kalaupun sukar untuk menghasilkan makanan secara besar-besaran, setiap isi rumah patut digalakkan untuk menghasilkan bahan makanan. Mungkin konsep menanam apa yang ingin di makan dan makan apa yang ditanam patut diterapkan dalam kehidupan harian.

Kedua, peningkatan pencemaran yang disebabkan oleh bilangan kilang yang meningkat. Seperti yang dibincangkan di atas,

pengeluaran secara besar-besaran berlaku semasa Revolusi Industri 2.0. Sebelum Revolusi Industri, pengeluaran dilakukan secara manual, oleh itu kurang pencemaran yang terhasil. Kemajuan yang hanya diukur dengan material menyebabkan manusia bertindak mengejar kemajuan tanpa mengira kelestarian. Sumber asli yang ada semakin berkurangan, pengeluaran bahan yang mencemarkan kepada alam semakin banyak, kelemahan polisi dan pemantauan yang lemah, nilai murni yang terhakis, di tambah dengan konflik antara negara dan dalam negara, menghala dunia kepada kehancuran. Kini banyak negara yang sedang berhadapan dengan isu pencemaran dan lebih malang lagi apabila banyak usaha yang cuba dilaksanakan dan dipersetujui di peringkat antarabangsa tidak menampakkan kejayaan, malah masalah pencemaran berterusan atau semakin tenat. Jurang keseimbangan antara mengejar kehidupan yang selesa melalui penggunaan barangan dan kecintaan kepada alam sekitar semakin melebar.

Ketiga, Revolusi Industri memberikan insentif kepada keuntungan, oleh itu keadaan kerja di kilang merosot. Pekerja kilang bekerja untuk jangka masa yang panjang, gaji yang rendah (tidak setimpal walaupun mungkin lebih tinggi daripada kerja di ladang), dan tiada rehat yang cukup. Ini mengakibatkan isu kesihatan dalam kalangan pekerja kilang. Tahap kesihatan yang rendah meningkatkan kos kepada pemerintah kerana kajian lalu menunjukkan perkaitan antara tahap kesihatan dan ketidakhadiran ke tempat kerja dan perkaitan antara kesihatan dan kemiskinan. Sebagaimana yang telah dibincangkan, kemiskinan memberi kesan ke atas banyak masalah sosial dan merencatkan kemajuan sesebuah negara. Kumpulan yang pesimis menyatakan bahawa Revolusi Industri menyebabkan tahap hidup orang biasa menurun. Bukan sekadar tahap kesihatan, malahan Revolusi Industri juga memberi kesan ke atas pendidikan kanak-kanak. Kerana dipaksa

atau terpaksa bekerja, kanak-kanak tidak dapat hadir ke sekolah. Oleh itu kanak-kanak tidak dapat meningkatkan pengetahuan dan kemahiran untuk membolehkan mereka mendapat peluang pekerjaan yang lebih baik. Dengan demikian kitaran kemiskinan berterusan.

Bagaimana pula kesan Revolusi Industri 4.0 ke atas kehidupan manusia? Tahap Revolusi Industri adalah tidak sama antara negara. Mungkin banyak negara yang masih dalam fasa Revolusi Industri 2.0 atau 3.0. Namun perlu diingat bahawa Revolusi Industri adalah tentang perubahan besar-besaran yang berlaku dan tiada sempadan masa yang memutuskan secara mutlak antara satu fasa dengan fasa berikutnya. Maka walaupun sesebuah negara itu telah memasuki Revolusi Industri fasa 4.0, kesan daripada revolusi fasa 3.0 masih berlaku. Ini bermakna negara perlu memikirkan kesan daripada revolusi terdahulu ditambah dengan kesan Revolusi Industri 4.0.

Ciptaan mesin pintar dalam Revolusi Industri 4.0 dapat menggantikan ramai pekerja, daripada pemandu sehinggalah kepada akauntan dan ejen hartanah. Dianggarkan, 47% daripada pekerjaan di Amerika Syarikat berisiko akibat daripada automasi (Davos Economics Blog, 2016). Ada yang menjangkakan akan ada polarisasi tenaga buruh disebabkan pekerjaan berkemahiran rendah menjadi automatik dan trend ini akan merebak kepada pekerjaan kelas menengah. Ini akan diikuti dengan berlakunya polarisasi pendapatan dan kekayaan (Davos Economics Blog, 2016). Malah, bukti setakat ini menunjukkan bahawa faedah Revolusi Industri ini akan tertumpu dalam kalangan segolongan kecil elit, dan pada masa yang sama memburukkan lagi ketidaksamaan pendapatan.

Dalam membincangkan tentang ketaksamaan pendapatan, kita membayangkan akan ada sekumpulan orang yang mempunyai pendapatan yang tinggi (oleh itu penggunaan juga tinggi) dan ramai isi rumah yang mempunyai pendapatan yang rendah. Dalam fasa

Revolusi Industri 4.0 ini adakah konsep keperluan masih sama? Barangan yang dianggap mewah semasa revolusi 3.0 mungkin menjadi barangan keperluan semasa fasa Revolusi Industri 4.0.

Dalam fasa Revolusi Industri 4.0 keadaan lebih mencabar lagi kerana perubahan gaya hidup tanpa sempadan fizikal dan batasan teknologi (Do Le Ngoc Bich, 2017). Dua pertiga daripada penduduk miskin melampau yang hidup dengan pendapatan kurang dari USD1.90 (RM8.20) sehari berada di rantau Asia. Masalah kemiskinan yang masih sukar diselesaikan kerana isu sumber yang tidak cukup, konflik yang berlaku dan sebagainya menjadi bertambah sukar dan rumit kerana ditambah dengan pengangguran dalam kalangan kumpulan tertentu.

Menurut Do Le Ngoc Bich (2017), Revolusi Industri 4.0 mungkin menjejaskan pertumbuhan ekonomi dan meningkatkan kadar pengangguran. Menjelang 2020 dijangkakan berlaku penurunan kepada pertumbuhan pekerjaan dalam sektor pembuatan dan pengeluaran. Sebaliknya akan berlaku pertumbuhan dalam sektor Seni Bina, Kejuruteraan, Komputer dan Matematik (Do Le Ngoc Bich, 2017).

Insiden kemiskinan dan ketidakadilan yang dialami oleh banyak negara membangun mencabar pemerintah dalam usaha membasmi kemiskinan. Pada masa kini isu kemiskinan (pendapatan, ketaksamarataan, eksternaliti) masih pada tahap yang tidak disenangi, diakibatkan oleh sistem pemerintahan, konflik dalaman, peperangan dan seumpamanya. Dengan peralihan Revolusi Industri, beberapa persoalan untuk dijawab termasuklah: Adakah keadaan menjadi bertambah baik? Bukan sahaja dari segi ekonomi (pekerjaan, pendapatan), tetapi juga dari aspek kehidupan yang lain seperti kesihatan, keselamatan, kekeluargaan, jaringan sosial dan sebagainya. Adakah kesejahteraan hidup isi rumah meningkat? Golongan manakah yang mendapat lebih faedah? Adakah kadar kemiskinan akan berkurang?. Bagaimana pula dengan isi rumah rentan?



## KESIMPULAN

Pertumbuhan ekonomi umumnya meningkatkan pendapatan isi rumah dan seterusnya menurunkan kadar kemiskinan. Walaupun tidak miskin, setiap hari isi rumah terdedah kepada risiko yang tidak diduga yang boleh menyebabkan mereka jatuh miskin. Konsep dan pengukuran kemiskinan tradisi yang sarat dengan penghakiman nilai (*value judgement*) patut disemak semula secara serius agar isu kemiskinan isi rumah dapat ditangani dengan lebih berkesan. Pada masa kini usaha menangani kemiskinan lebih tertumpu kepada meningkatkan kesejahteraan ekonomi dan fizikal semasa (seperti pendapatan, kemudahan asas, latihan dan seumpamanya) tanpa melihat kepada kemungkinan isi rumah menghadapi risiko yang boleh menjerumuskan mereka ke dalam kemiskinan.

Kaedah mengukur kemiskinan perlu diperluas dengan mengambil kira pelbagai dimensi yang merangkumi aspek keupayaan (termasuklah ekonomi, modal insan, dan sosiobudaya), personaliti (seperti lokus kawalan) dan daya tahan terhadap tekanan faktor luaran dan ekonomi serta pilihan dan kuasa membuat keputusan dalam menangani tekanan yang dihadapi (*coping strategies*).

Konsep dan pengukuran kerentanan tidak sejitu konsep dan pengukuran kemiskinan. Namun kerentanan adalah aspek berkaitan kemiskinan yang penting untuk mengenal pasti kecenderungan isi rumah untuk jatuh miskin. Adakalanya konsep kerentanan diasaskan kepada satu kontinum kualiti daya upaya (*empowerment*) seseorang individu atau sesebuah isi rumah dalam menghadapi risiko. Adakalanya konsep kerentanan dirujuk kepada satu titik masa hadapan.

Dari perspektif pendayaupayaan, antara komponen utama kerentanan adalah akses kepada maklumat dan pengetahuan, personaliti, pilihan dan kuasa membuat keputusan serta tindakan.

Dari perspektif masa hadapan pula, golongan rentan mudah terperangkap dalam kemiskinan atau tahap hidup yang rendah apabila berdepan dengan krisis hidup seperti kematian, penyakit, kecacatan, bencana, hutang, pengangguran dan seumpamanya. Oleh itu, kerentanan saling berkait dengan kemiskinan.

Memahami konsep dan pengukuran kerentanan serta hubungannya dengan kemiskinan dapat membantu penggubal polisi dan pelaksana program mengenal pasti isi rumah miskin dengan lebih tepat. Oleh itu, usaha akan dapat difokuskan kepada kumpulan sasaran tersebut. Pada masa yang sama, peruntukan pembangunan ke arah meningkatkan tahap hidup isi rumah dapat diagihkan dengan lebih cekap dan berkesan. Selain itu, usaha membantu isi rumah rentan sebelum mereka menjadi miskin dapat mengurangkan masalah sosial yang lebih serius pada masa akan datang. Oleh itu, peralihan paradigma daripada memahami kemiskinan setelah ia berlaku kepada mengenal pasti kemungkinan untuk jatuh miskin perlu dimulakan.

Walaupun kemiskinan bersifat pelbagai dimensi, namun tumpuan masih kepada aspek memenuhi keperluan fizikal asas bagi membolehkan manusia terus hidup. Amat terhad usaha mengaitkan kemiskinan dengan dimensi lain seperti memenuhi aspirasi kebebasan berpolitik, kepuasan rohani, hubungan sosial, keadaan pekerjaan, dan sebagainya. Oleh itu, kaedah menggabungkan pelbagai dimensi perlu dibina.

Sekiranya pendapatan garis kemiskinan masih relevan maka ia perlu dikemas kini dari semasa ke semasa. Pengemaskinian dilakukan dengan mengambil kira konsep dan definisi keperluan yang menjadi asas kepada penentuan jumlah pendapatan minimum yang diperlukan untuk hidup (yang dinamik sifatnya), perubahan harga barangan dan perkhidmatan, dan sebagainya. Beberapa perkara yang perlu diambil kira termasuklah pendapatan daripada

pelbagai sumber dan subsidi kerana isi rumah Malaysia menerima pelbagai jenis bantuan dan subsidi seperti subsidi bahan api dan gas. Dalam usaha membangunkan pendapatan garis kemiskinan, penyelidik juga perlu berhati-hati dan tidak meringkaskan atau keterlaluan dalam memudahkan pengiraan. Pengiraan yang salah akan membawa kepada kesilapan menganggar golongan sasaran yang miskin dan seterusnya menjadikan usaha membasmi kemiskinan tidak berkesan. Bukan sahaja dari segi sumber pendapatan, malahan pola perbelanjaan juga telah berubah, di mana pada 70-an lebih daripada 70% pendapatan dibelanjakan untuk makanan dan kini kurang daripada 25% sahaja yang dibelanjakan untuk makanan. Perubahan ini sudah tentu memerlukan penyemakan semula pendapatan garis kemiskinan Malaysia. Seperkara lagi yang berlaku adalah perubahan pola perbelanjaan isi rumah, di mana perbelanjaan untuk penjagaan anak menjadi semakin penting akibat peningkatan penglibatan wanita dalam pasaran buruh.

Walaupun konsep kesejahteraan hidup itu telah lama dibincangkan dan dibangunkan namun kepelbagaian pandangan mengenai definisi dan pengukuran harus diterima dengan lapang dada kerana masing-masing pendekatan dan kaedah mempunyai kekuatan dan kelemahan masing-masing. Perkara yang lebih utama adalah bagaimana untuk melahirkan isi rumah yang sejahtera di dunia dan di akhirat. Perbincangan dalam buku ini tidak mencakup tahap kesejahteraan isi rumah dari segi spiritual kerana kedangkalan ilmu yang ada. Kesejahteraan yang dipaparkan dalam buku ini hanyalah kesejahteraan lahiriah setakat yang nampak dan tercapai oleh akal manusia.

Kajian dalam bidang kemiskinan ini semakin mencabar dengan kehadiran Revolusi Industri 4.0. Semakan semula konsep, definisi dan pengukuran di samping menyelidik kesannya ke atas isi rumah perlu diteruskan. Konsep yang lebih tepat dan mantap dengan situasi semasa (keadaan, tempat, masa) diperlukan untuk menjamin tahap

dan kualiti hidup yang lebih baik. Pertimbangan kos dan faedah menjadi landasan kepada sesuatu keputusan yang bakal diambil oleh pembuat polisi dan pengamal di lapangan. Perbezaan pandangan selalu memberikan hasil yang lebih baik.

## RUJUKAN

- Abdul Rasool, M. S., Md Salleh, A. & Mohd Harun, M. Fauzi. (2012). Poverty measurement by Islamic institutions. *International Journal of Social Management, Economics and Business Engineering*, 6(5).
- Andrews, F.M. & Withey, S.B. (1976). *Americans' perceptions of life quality, social indicators of well-being*. New York, USA: Plenum Press.
- Angemi, D. (2011). Measuring household vulnerability in the context of poverty eradication: Evidence from Uganda. *Development Studies Working Papers*, No. 317.
- Brickman, P., & Campbell, D. T. (1971). Hedonic relativism and planning the good society. In M. H. Appleby (Ed.), *Adaptation level theory: A symposium*. New York: Academic Press.
- Campbell, A., Converse, P. E., & Rodgers, W. L. (1976). *The quality of American life*. New York: Russell Sage Foundation.
- Chaudhuri, S. & Christiaensen, L. (2002) Assessing household vulnerability to poverty: Illustrative examples and methodological issues. Presentation at the IFPRI-World Bank Conference on 'Risk and Vulnerability: Estimation and Policy Applications', September 23–24, 2002, Washington, DC.
- Chaudhuri, S., Jalan, J. & A. Suryahadi. (2002). Assessing household vulnerability to poverty from cross-sectional data. A methodology and estimates from Indonesia, Discussion paper No. 0102-52. New York: Columbia University.
- Cheng, W. (2000). About the disadvantaged persons, current event. As cited in Fengchun, Y. (2006). The status of vulnerable groups in the chinese e-government construction. Paper presented in Capacity Building of Asia Pacific e-Government Initiatives, UNCRD and UNDP-APDIP Regional Workshop, Bangkok, 24-25 April.

- Christoph, B. (2010). The relationship between life satisfaction and the material situation: A re-evaluation using alternatives measures. *Social Indicators Research*, 98, 475-499. <http://dx.doi.org/10.1007/s11205-009-9552-4>.
- Cruces, G., Gasparini, L., Bérgholo, M., & Ham, A. (2010). Vulnerability to poverty in Latin America: Evidence from cross-section and panel data. Report prepared for the Chronic Poverty Research Centre. Universidad Nacional de La Plata and CONICET.
- Cummins, R.A. (1996). The domains of life satisfaction: An attempt to order chaos. *Social Indicators Research*, 38(3), 303–328.
- Davos Economics Blog. (2016). Fourth Industrial Revolution brings promise and peril for humanity. <https://www.theguardian.com/business/economics-blog/2016/jan/24/4th-industrial-revolution-brings-promise-and-peril-for-humanity-technology-davos>.
- De Janvry, A., Sadoulet, E., Solomon, P. & Vakis, R. (2006). Uninsured risk and asset protection: Can conditional cash transfer programs serve as safety nets? The World Bank, June 2006.
- Dercon, S. (2001). Vulnerability to Poverty: A Framework for Policy Analysis. This note is a summary of arguments developed in Stefan Dercon, Assessing Vulnerability to Poverty, paper for DfID, August 2001.
- Diener, E., & Biswas-Diener, R. (2002). Will money increase subjective well-being? A literature review and guide to needed research. *Social Indicators Research*, 57, 119-169. <http://dx.doi.org/10.1023/A:1014411319119>
- Diener, E., & Lucas, R. E. (1999). Personality and subjective well-being. In D. Kahneman, E. Diener, & N. Schwarz (Eds.), *Well-being: The foundations of a hedonic psychology* (pp. 213–229). New York: Russell Sage Foundation.
- Diener, E., & Tov, W. (2012). National Accounts of well-being. In K. C. Land, A. C. Michalos, & M. J. Sirgy (Eds.), *Handbook of Social Indicators and Quality of Life Research* (pp. 137-157). New York, NY: Springer. [http://dx.doi.org/10.1007/978-94-007-2421-1\\_7](http://dx.doi.org/10.1007/978-94-007-2421-1_7).

- Diener, E., Sandvik, E., Seidlitz, L., & Diener, M. (1993). The relationship between income and subjective well-being: Relative or absolute? *Social Indicators Research*, 28, 195-223. <http://dx.doi.org/10.1007/BF01079018>
- Do Le Ngoc Bich. (May 16, 2017). Asia seeking growth amid Revolution 4.0. *The Star Malaysia*.
- Economic Planning Unit, Prime Minister's Department and United Nations Country Team. (2010). The Millennium Development Goals at 2010.
- Economic Planning Unit, Prime Minister's Department. (2004). Malaysia: 30 years of poverty reduction, growth and racial harmony, a case study from scaling up poverty reduction: A Global Learning Process and Conference Shanghai, May 25-27.
- Economic Planning Unit, Prime Minister's Department. (2012). The Malaysian Economy in Figures. <http://www.epu.gov.my>
- Economic Planning Unit, Prime Minister's Department. (2016). The Malaysian Economy in Figures. (Updated Edition).
- EPU-UNDP Malaysia. (2008). Malaysia: Measuring and Monitoring Poverty and Inequality, Kuala Lumpur.
- Fafchamps, M., & Shilpi, F. (2008). Subjective welfare, isolation, and relative consumption. *Journal of Development Economics*, 86, 43-60. <http://dx.doi.org/10.1016/j.jdeveco.2007.08.004>
- Farooq, M. O. (2008). The challenge of poverty and the poverty of Islamic economics. *Journal of Islamic Economics, Banking and Finance*, 35-58. Electronic copy available at: <http://ssrn.com/abstract=1403989>
- Fengchun, Y. (2006). The status of vulnerable groups in the Chinese e-Government construction, paper presented in Capacity Building of Asia Pacific e-Government Initiatives. UNCRD and UNDP-APDIP Regional Workshop, Bangkok, 24-25 April.
- Fisher, G.M. (1992). The development of the Orshansky Poverty Thresholds and their subsequent history as the official U.S poverty measure. In *Poverty Measurement Working Paper*, U.S. Bureau Census.
- Fuentes, N., & Rojas, M. (2001). Economic theory and subjective well-being: Mexico. *Social Indicators Research*. The Netherlands, Marzo:

- Kluwer Academic Press. Retrieved from <http://link.springer.com/article/10.1023/A:1007189429153>
- Gaiha, R. & Imai, K. (2006). The Maharashtra Employment Guarantee Scheme, Policy Brief. London: Overseas Development Institute.
- Harrower, S. & Hoddinott, J. (2002). Consumption smoothing and vulnerability in the Zone Lacustre, Mali. FCND Discussion Paper No. 175.
- Hassan, M. K. (2010). An integrated poverty alleviation model combining zakat, awqaf and micro-finance. Seventh International Conference – the tawhidi epistemology: Zakat and Waqf Economy, Bangi, 261-281.
- Hoddinott, J. & Quisumbing, A. (2003). Methods for microeconomic risk and vulnerability assessments. Social Protection Discussion Paper, Series No. 0324 Social Protection Unit, Human Development Network, The World Bank.
- <http://web.worldbank.org/wbsite/external/topics/extsocialdevelopment/exttsocialcapital>
- <http://www.worldbank.org/poverty/mission/up2.htm>
- <https://ourworldindata.org/extreme-poverty/>
- <http://www.Ids.Ac.Uk/Team/Vulnerability-and-Poverty-Reduction>.
- Islamic Relief. (January 2008). Definitions of poverty. Birmingham, United Kingdom: Islamic Relief Worldwide.
- Jabatan Kebajikan Masyarakat. (2017). Laporan penyelidikan Bantuan Kewangan JKM oleh Sharifah Norazizan, S.A.R., Tengku Aizan T.A.H., Laily P., Sharifah Azizah, H., Amna M.N., Faizah, M., Koh T.W., Ng K.Y., Chai S.T., Mohd Rizal H., & Mohamad Fazdillah B. (2017). Keberkesanan Bantuan Kewangan Jabatan Kebajikan Masyarakat.
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2009). Laporan Penyiasatan Pendapatan Isi Rumah dan Kemudahan Asas.
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2017). Indeks Harga Pengguna.
- Jabatan Perdana Menteri. The Malaysian Economy in Figures, 2013.
- Jacoby, H. G. & Skoufias, E. (1997). Risk, financial markets, and human

- capital in a developing country. *Review of Economic Studies*, 64(3), 311-35.
- Jamal, H. (2009). Assessing vulnerability to poverty: Evidence from Pakistan. Research Report No. 80, April 2009.
- Jha, R. & Dang, T. (2009). Vulnerability to poverty in select central asian countries. *The European Journal of Comparative Economics*, 6(1), pp. 17-50.
- King, P. (2007). The concept of wellbeing and its application in a study of ageing in Aotearoa New Zealand. EWAS Working Paper Series, Working Paper 8, March.
- Kingdon, G. G., & Knight, J. (2006). Subjective well-being poverty versus income poverty and capabilities poverty? *Journal of Development Studies*, 42(7), 1199-1224. <http://dx.doi.org/10.1080/00220380600884167>
- Knight, J., Song, L., & Gunatilaka, R. (2009). Subjective well-being and its determinants in rural China. *China Economic Review*, 20(4), 635-649. <http://dx.doi.org/10.1016/j.chieco.2008.09.003>
- Kusuma, Se. & Raditya Sukmana, Se. (2010). The power of zakah in poverty alleviation. Seventh International Conference – the Tawhidi Epistemology: Zakat and Waqf Economy, Bangi 2010, pp. 409-434.
- Laily P. & Nurizan Y. (2004). *Household well-being in Johor Darul Takzim*. Serdang: Universiti Putra Malaysia Press.
- Laily P. (1995). Definition and measurement of wellbeing: A review of literature. *Journal of Economic and Social Measurement*, 21(4), 297-309.
- Laily P. (2014). *Konsep kerentanan kepada kemiskinan*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Laily P., & Asnarulkhadi A.S. (2017). *Kesejahteraan Ekonomi dan Sosial Peserta dan Isi Rumah FELCRA*. Laporan Penyelidikan.
- Laily P., & Sharifah Azizah H. (2010). *Kemiskinan di Malaysia: Isu fundamental dan paparan realiti*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.



- Laily P., Aini M.S. & Sharifah Azizah H. (2009). *Penggunaan lestari: Antara realiti dan cabaran*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Laily P., Mumtazah O., Ahmad Hariza H., Sharifah Azizah H., Syuhaily O., & Jariah. (2013). *Membudayakan penggunaan lestari*. Serdang: Persatuan Ekonomi Pengguna dan Keluarga Malaysia.
- Laily, P. (1995). A consumption model for measuring poverty: An exploratory exercise. *Social Indicators Research*, 35(2), 129-153. <http://dx.doi.org/10.1007/BF01079024>
- Lembaga Ikan Malaysia. (2017). Laporan Penyelidikan Kesan Dana Nelayan. Roziah M.R., Husniyah A.R., Laily P. & Fadzilah A.R. (2017). Impak Dana Nelayan. Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia.
- Ligon, E. & Schechter, L. (2003). Measuring vulnerability. *The Economic Journal*, 113 (March), C95–C102.
- Majewski, J. (1986, July 1). History economic history the Industrial Revolution: Working class poverty or prosperity? Foundation for Economic Education.
- Milcher, S. (2009). Household vulnerability estimates of Roma in Southeast Europe. *Cambridge Journal of Economics*, pp. 1-20.
- Mohiuddin, A.S.M. (2007). The Grameen Bank, Dhaka, Bangladesh sharing experiences and lessons learnt among South Nations. Paper presented in *Forum on Poverty Eradication*, Kuala Lumpur, 19 June 2007. [www.ssig.gov.my](http://www.ssig.gov.my)
- Montagna, J.A. (2006). The Industrial Revolution. Yale-New Haven Teachers Institute. <http://teachersinstitute.yale.edu/curriculum/units/1981/2/81.02.06.x.html>
- Muhammad Yunus. (2008). Defining Poverty. Daily Online Magazine on the Global Economy, Politics and Culture. Saturday, March 01, 2008. <http://www.theglobalist.com/storyid.aspx?storyid=6823>
- Nardinelli, C. (na). Industrial Revolution and the Standard of Living Encyclopedia of economics (2nd edition). Online, [www.econlib/Enc/Industrial Revolution and the Standard of Living.html](http://www.econlib/Enc/Industrial%20Revolution%20and%20the%20Standard%20of%20Living.html)

- Nor Fairani A., Mariani M. & Laily P. (2016). Income poverty and well-being among vulnerable households: A Study in Malaysia. *Asian Social Science*, 12(2), 195-204.
- Nussbaum, M. (1995). Human capabilities, female human being. In M. C. Nussbaum and J. Glover (Eds.), *Women, culture, and development*. Oxford: Clarendon Press.
- O'Brien, M. (2008). Well-being and post-primary schooling. A review of the literature and research. National Council for Curriculum and Assessment. Report No. 6.
